



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
لویزیتی پنیدیکن سلطان ادریس

UPSI
No.1
PENDIDIKAN



PENERAJU
KEBITARAAN
PENDIDIKAN
قرون وسطى
Tahun
SITC • MPSI • IPSI • UPSI • 1922-2022



PANDUAN

LATIHAN MENGAJAR

KPR3044 DAN KPR3054
[EDISI KEDUA]

PUSAT LATIHAN MENGAJAR DAN INDUSTRI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



**@ Hak Cipta Pusat Latihan Mengajar dan Industri
(PuLaMI)**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa-apacara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin daripada Pengarah PuLaMI, UPSI. Pengarah PuLaMI berhak mengubah mana-mana maklumat yang terkandung dalam Panduan Latihan Mengajar KPR3044 dan KPR3054 dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Segala pertanyaan berkaitan dalam **Panduan Latihan Mengajar KPR3044 dan KPR3054** ini hendaklah dirujuk kepada:

**PUSAT LATIHAN MENGAJAR DAN INDUSTRI (PULAMI),
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

**Tarikh Terbitan
1 Mac 2023**

KANDUNGAN

PRAKATA DARIPADA PENGARAH	1
VISI, MISI DAN MOTO	2
GLOSARI	3 - 5
1.0 PENGENALAN	6
2.0 MATLAMAT LATIHAN MENGAJAR	6
3.0 OBJEKTIF LATIHAN MENGAJAR	6
4.0 SENARAI KURSUS LATIHAN MENGAJAR	7
5.0 PERATURAN LATIHAN MENGAJAR	7
5.1 Syarat Layak Menjalani Latihan Mengajar	7
5.2 Syarat Lulus Latihan Mengajar	8
5.3 Tempoh Latihan Mengajar	8
5.4 Penempatan Latihan Mengajar	8
5.5 Lapor Diri di Institusi	8
5.6 Waktu Pengajaran Latihan Mengajar	9
5.7 Kehadiran Latihan Mengajar	9 - 10
5.8 Penangguhan Latihan Mengajar	10
5.9 Kes Gagal Latihan Mengajar	11
5.10 Cuti Latihan Mengajar	11
6.0 PROSEDUR LATIHAN MENGAJAR	11
6.1 Persediaan Latihan Mengajar	11 - 12
6.2 Pengajaran dan Pembelajaran	12
6.3 Refleksi Kritis selepas Pengajaran dan Pembelajaran	13
6.4 Penyeliaan	13 - 16
7.0 KRITERIA KELAYAKAN	16
7.1 Pensyarah Penyelia	16-17
7.2 Guru Pembimbing	17
7.3 Penyelia Rentas	17
7.4 Penyelaras Latihan Mengajar Fakulti/Pusat/Program	17

8.0 TANGGUNGJAWAB DAN ETIKA	18
8.1 Tanggungjawab Pusat Latihan Mengajar dan Industri	18
8.2 Tanggungjawab Fakulti/Pusat	18
8.3 Tanggungjawab Penyelaras Kursus Latihan Mengajar	18 -19
8.4 Tanggungjawab Penyelaras LM Fakulti/Pusat/Program	19
8.5 Tanggungjawab Pensyarah Penyelia	19 -20
8.6 Tanggungjawab Guru Pembimbing	21
8.7 Tanggungjawab Pihak Institusi	22
8.8 Tanggungjawab Guru Pelatih	23
8.9 Etika Pensyarah Penyelia, Guru Pembimbing dan Guru Pelatih.....	24-25
9.0 PENILAIAN LATIHAN MENGAJAR	26
9.1 Kriteria Penilaian Latihan Mengajar 1 (KPR3044)	26 - 32
9.2 Kriteria Penilaian Latihan Mengajar 2 (KPR3054)	32 - 39
10.0 PINDAAN TEMPOH	39
11.0 PEMAKAIAN	39
12.0 RUBRIK PENILAIAN KURSUS LATIHAN MENGAJAR KPR3044	40 - 45
13.0 RUBRIK PENILAIAN KURSUS LATIHAN MENGAJAR KPR3054	46- 51
14.0 BORANG-BORANG LATIHAN MENGAJAR KPR3044 DAN KPR3054	52
14.1 Borang Penyeliaan Latihan Mengajar 1 (KPR3044)	52 - 53
14.2 Borang Penilaian Etika Profesional Guru Pelatih KPR3044	54
14.3 Borang Rumusan Pentaksiran Kokurikulum Guru Pelatih KPR3044	55
14.4 Borang Rumusan Pentaksiran KPR3044	56
14.5 Borang Penyeliaan Latihan Mengajar 2 (KPR3054)	59
14.6 Borang Penilaian Etika Profesional Guru Pelatih KPR3054	61
14.7 Borang Rumusan Pentaksiran Kokurikulum Guru Pelatih KPR3054	62
14.8 Borang Rumusan Pentaksiran KPR3054	63
14.9 Borang Ulasan Guru Pelatih yang Berpotensi Gagal	64
14.10 Borang Rumusan Penyeliaan Rentas Latihan Mengajar	65

PRAKATA DARIPADA PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Syukur alhamdulillah kerana buku Garis Panduan Latihan Mengajar UPSI dapat dihasilkan. Buku garis panduan ini sangat berguna kepada Guru Pelatih, Guru Pembimbing, Pensyarah Penyelia dan Pentadbir di institusi. Buku ini dihasilkan berdasarkan penambahbaikan daripada latihan mengajar; LM1 dan LM2 yang menggunakan pakai kod kursus yang sama iaitu KPR3028 kepada LM1 (KPR3044) dan LM2 (KPR3054).

Beberapa perubahan telah dibuat untuk menjamin kualiti Guru Pelatih di UPSI.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat terutamanya kepada Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) UPSI, khususnya Jabatan Pengajian Pendidikan, Penyelaras Latihan Mengajar Fakulti, Pengurusan PuLaMI serta semua yang terlibat di atas sumbangan serta komitmen yang diberikan. Semoga usaha ini mendapat menyumbangkan kepada kualiti pembangunan akademik di UPSI dan dirahmati oleh Allah subhanahu wataala hendaknya.

Sekian, terima kasih.


PENGARAH

**PUSAT LATIHAN MENGAJAR DAN INDUSTRI (PuLaMI)
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

VISI, MISI DAN MOTO

Pusat Latihan Mengajar dan Industri UPSI beriltizam menguruskan penempatan, penyeliaan dan latihan kepada pelajar dan staf secara holistik dan efisien.

"Universiti No. 1
Pendidikan"



Menjadi sebuah pusat contoh dan amalan tanggungjawab yang cemerlang dan terkehadapan dalam latihan mengajar dan industri



GLOSARI

Aspek	Keterangan
Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)	DSKP merujuk kepada integrasi standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi bagi sesuatu mata pelajaran. Pemilihan mestilah DSKP ini mestilah berasaskan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) yang telah disahkan oleh sekolah.
Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT)	RPT ialah susunan standard kandungan dan pembelajaran yang disusun mengikut mingguan selama tempoh menjalani Latihan Mengajar iaitu 8 minggu. Rancangan ini mestilah disahkan.
Hasil Pembelajaran/ Objektif Pengajaran	Hasil pembelajaran atau objektif pengajaran yang ditetapkan oleh guru pelatih bagi satu mata pelajaran yang diajar berasaskan standard pembelajaran yang terdapat dalam RPT. Hasil pembelajaran atau objektif pengajaran yang baik mestilah eksplisit, sangat tepat, sangat jelas, sangat spesifik, mengikut domain dan mengikut kebolehan murid. Hasil pembelajaran atau objektif pengajaran mestilah berasaskan kehendak DSKP.
Isi Pelajaran	Isi pelajaran ialah kandungan mata pelajaran yang ditafsir dari standard kandungan yang hendak disampaikan kepada guru pelatih bagi tempoh tertentu. Isi kandungan mestilah mencapai hasil pembelajaran/objektif.
Set Induksi	Aktiviti memulakan pengajaran yang kreatif dan menarik dirancang bagi merangsang dan menimbulkan minat pelajar untuk meneruskan pembelajaran.
Strategi Pengajaran	Strategi yang dipilih, bertepatan dan mengambil kira semua hasil pembelajaran, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur-unsur Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) dan PAK 21.
Kesesuaian Aktiviti Pengajaran	Aktiviti yang dijalankan seperti main peranan, menyiasat, perbincangan, pembentangan atau lain-lain aktiviti sesuai dengan isi pelajaran, minat dan tahap keupayaan murid. Aktiviti ini akan dapat mencapai hasil/objektif pembelajaran bertepatan dan mengambil kira semua strategi.
Sumber Pengajaran	Sumber pengajaran merujuk segala bahan rujukan seperti buku, jurnal, majalah, akhbar, dan bahan maujud yang digunakan dalam pengajaran.

Bahan Bantu Mengajar (BBM)	Bahan bantu mengajar ialah bahan yang berkaitan dengan pengalaman sebenar dan pengalaman buatan dalam bentuk maujud dan bukan maujud. BBM ini bertujuan untuk memahamkan pelajar tentang isi kandungan yang hendak disampaikan.
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	Pernyataan elemen KBAT (merujuk kepada Taksonomi Bloom atau Taksonomi Marzano) sangat jelas dan sesuai dalam langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti murid. Penggunaan elemen rangsangan KBAT yang amat jelas.
Elemen Merentas Kurikulum (EMK)	Elemen merentas kurikulum (EMK) ialah ilmu, nilai-nilai murni dan patriotism, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir, kemahiran proses sains, teknologi, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, dan kemahiran masa depan.
Kaedah dan Teknik Pedagogi	Memilih amalan pedagogi masa kini yang sangat bersesuaian dengan perancangan PdP.
Kemahiran Insaniah (KI)	<ul style="list-style-type: none"> i. Kemahiran komunikasi. ii. Pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah. iii. Kemahiran sosial-kerja berpasukan. iv. Pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat. v. Kemahiran keusahawanan. vi. Etika dan moral profesional. vii. Kemahiran kepimpinan.
Prosedur Pengajaran	<p>Amalan 6K;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Komunikasi. ii. Kolaboratif. iii. Kritis. iv. Kreativiti. v. Karakter. vi. Kewarganegaraan.
Penguasaan Isi Kandungan	<ul style="list-style-type: none"> i. Kedalaman isi kandungan. ii. Fakta / teori / konsep / rutin / generalisasi. iii. Kejelasan kandungan. iv. Membuat perkaitan.
Bahasa dan Komunikasi	Bahasa kebangsaan atau bahasa yang dibenarkan digunakan dalam sesuatu pengajaran. Komunikasi berkesan, bahasa, gestur (bahasa tubuh), simbol atau lambang yang digunakan.

Pengurusan Bilik Darjah	Susunan kerusi meja yang sesuai dengan kaedah pengajaran yang dipilih, kawalan kelas baik, disiplin terkawal, kebersihan dan susana bilik darjah yang kondusif mengalakkan pembelajaran. Sesuai dengan bilik darjah PAK 21.
Motivasi	Memberi motivasi dan galakan kepada pelajar di sepanjang pengajaran. Motivasi dalam bentuk pujian dan galakan, hadiah atau ganjaran, suasana pembelajaran, tajuk atau tema pengajaran, bahan, dan aktiviti pengajaran yang dijalankan.
Peneguhan	Memberi penjelasan jawapan dengan jelas kepada pelajar. Aktiviti pengayaan bagi yang menguasai dan pemuliharan bagi yang belum menguasai kemahiran yang diajar. Sentiasa memberi peneguhan yang positif terutama semasa perbincangan dan soal jawab.
Perbezaan Keupayaan Murid	Murid mempunyai perbezaan dari segi agama, Kepercayaan, amalan, sosial budaya, ekonomi, status, perkembangan kognitif, perbezaan fizikal, minat, dan kecenderungan.
Pencapaian Hasil Pembelajaran / Objektif	<ul style="list-style-type: none"> i. Hasil Pembelajaran / Objektif yang dirancang berjaya dicapai pada langkah pengajaran. ii. Pencapaian hasil pembelajaran / objektif dicapai melalui alat pentaksiran yang digunakan. iii. Pentaksiran pengajaran dibuat di sepanjang pengajaran seperti pemerhatian, lisan, soal jawab atau latihan yang diberikan.
Pentaksiran	<ul style="list-style-type: none"> i. Alat yang digunakan untuk mengukur hasil pembelajaran yang ditetapkan. Ianya boleh dibuat secara pemerhatian, lisan atau bertulis. ii. Pelbagai aras soalan digunakan semasa sesi pengajaran digunakan untuk melihat pengajaran aras rendah atau aras tinggi bagi mengukur hasil pembelajaran yang ditetapkan.
Penglibatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Penglibatan murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. ii. Pembelajaran berpusatkan murid. iii. Murid melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. iv. Kolaboratif dalam pembelajaran.
Penutup	Aktiviti menutup pengajaran yang kreatif dan menarik serta berkesan bagi melihat kefahaman pelajar tentang apa yang diajar. Aktiviti yang boleh dijalankan seperti soal jawab, lagu, cerita, video pendek, main peranan, teka teki, gimik, dan sebagainya untuk memperkenalkan tajuk atau kemahiran yang hendak diajar.

1.0 PENGENALAN

Latihan Mengajar (LM) merupakan salah satu kursus yang menjadi sebahagian daripada syarat bergraduat di Universiti. Kursus ini menyediakan peluang bagi Guru Pelatih mempraktikkan segala pengetahuan dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang telah dipelajari di Universiti bagi membolehkan Guru Pelatih menjadi insan guru yang berkualiti, berpengetahuan luas dan berketerampilan dengan mengamalkan prinsip-prinsip keguruan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru.



Falsafah Pendidikan Kebangsaan

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Falsafah Pendidikan Guru

“Guru berkekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.”

2.0 MATLAMAT LATIHAN MENGAJAR

LM bermatlamat untuk menyediakan peluang kepada Guru Pelatih mengalami dan mengaplikasikan ilmu pendidikan dalam konteks sebenar di Institusi Pendidikan.

3.0 OBJEKTIF LATIHAN MENGAJAR

LM bertujuan memberi peluang kepada Guru Pelatih untuk:

- 3.1 Mereka bentuk perancangan dan amalan terbaik dalam proses PdP; dan
- 3.2 Mengaplikasikan pengetahuandan kemahiran PdP dalam konteks sebenar; dan
- 3.3 Mempraktikkan amalan reflektif dan inovatif dalam persekitaran PdP; dan
- 3.4 Mengamalkan sikap dan sahsiah guru profesional sepanjang program LM.

4.0 SENARAI KURSUS LATIHAN MENGAJAR

Kod Kursus	Sinopsis Kursus
KPR3044 (LM1)	<p>Kursus ini menyediakan peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasi ilmu dan kemahiran dalam konteks sebenar pengajaran dan pengurusan pendidikan di sekolah. Ia merangkumi komponen yang terdiri daripada aspek pengajaran dalam bilik darjah dan luar bilik darjah. Komponen utama di dalam kursus ini menekankan kepada aspek pengajaran dan pengurusan di sekolah. Ianya bagi membangunkan keterampilan kepimpinan pelajar terhadap persekitaran sekolah.</p>
KPR3054 (LM2)	<p>Kursus ini bertujuan untuk memantapkan kemahiran mengaplikasi ilmu dalam konteks sebenar pengajaran, pembelajaran dan pengurusan pendidikan di sekolah. Ia merangkumi komponen yang terdiri daripada aspek pengajaran dan pengurusan pembelajaran. Komponen utama di dalam kursus ini menekankan kepada aspek pengajaran iaitu rancangan pengajaran harian, sesi semasa pengajaran dan selepas pengajaran serta penglibatan semasa di sekolah.</p>

5.0 PERATURAN LATIHAN MENGAJAR

5.1 Syarat Layak Menjalani Latihan Mengajar

Kod Kursus	Syarat-syarat
KPR3044 (LM1)	<ol style="list-style-type: none">Memperoleh PNGK sekurang-kurangnya 2.00; danLulus dan memperoleh sekurang-kurangnya Gred C bagi Kursus-kursus Profesional Pendidikan *(KPF3012, KPP3014, KPS3014, KPD3016, dan KPD3026 atau 2 kursus yang setara KPD3026 (ditentukan oleh Fakulti)); danLulus PPG 1 dan PPG 2 (KPR3032); danDiluluskan oleh pihak Fakulti.
KPR3054 (LM2)	<ol style="list-style-type: none">Memperoleh PNGK sekurang-kurangnya 2.00; danLulus *KPR3012; danLulus KPR3044; danDiluluskan oleh pihak Fakulti.

5.2 Syarat Lulus Latihan Mengajar

- 1**  Telah menjalani LM mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Universiti; dan
- 2**  Telah mematuhi semua peraturan LM; dan
- 3**  Memperoleh sekurang-kurangnya Gred B (markah 65 peratus) dalam setiap LM1 dan LM2, serta diperakukan oleh Senat Universiti.

5.3 Tempoh Latihan Mengajar

Kod Kursus	Syarat-syarat
KPR3044 (LM1)	<ol style="list-style-type: none">Tempoh menjalani LM1 adalah 8 minggu berdasarkan tarikh yang ditetapkan / diluluskan oleh PuLaMI serta tertakluk kepada sesi persekolahan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian lain yang berkaitan, sekolah swasta, situasi semasa, danSemasa dalam semester 6, kecuali kes keciciran.
KPR5044 (LM2)	<ol style="list-style-type: none">Tempoh menjalani LM2 adalah 8 minggu berdasarkan tarikh yang ditetapkan / diluluskan oleh PuLaMI serta tertakluk kepada sesi persekolahan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian lain yang berkaitan, sekolah swasta, situasi semasa, danSemasa dalam semester 8, kecuali kes keciciran.

5.4 Penempatan Latihan Mengajar

PuLaMI mempunyai kuasa mutlak dalam menguruskan penempatan pelajar dalam LM1 dan LM2.

5.5 Lapor Diri di Institusi

5.5.1 Guru Pelatih:

- 5.5.1.1 mesti melaporkan diri di institusi pada hari pertama LM mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Universiti; dan
- 5.5.1.2 menyerahkan borang butiran diri kepada pentadbir institusi; dan
- 5.5.1.3 perlu mendapatkan jadual waktu mengajar dan maklumat yang berkaitan daripada pihak institusi.

5.6 Waktu Pengajaran Latihan Mengajar

Kod Kursus	*Waktu Pengajaran
KPR3044 (LM1)	<ul style="list-style-type: none"> 8 hingga 12 waktu untuk mata pelajaran major (tertakluk kepada keperluan institusi); 2 hingga 4 waktu untuk mata pelajaran lain atau minor (tertakluk kepada keperluan institusi). <p><i>*10 hingga 16 waktu seminggu (bagi program mempunyai major dan minor)</i></p>
KPR3054 (LM2)	<ul style="list-style-type: none"> 8 hingga 12 waktu untuk mata pelajaran major (tertakluk kepada keperluan institusi); 2 hingga 4 waktu untuk mata pelajaran lain atau minor (tertakluk kepada keperluan institusi). <p><i>*10 hingga 16 waktu seminggu (bagi program mempunyai major dan minor)</i></p>

**Tertakluk kepada pihak institusi yang menentukan jadual waktu berkaitan.*

5.6.1 Guru Pelatih tidak dibenarkan menukar mata pelajaran atau meminda jadual waktu pengajaran tanpa kelulusan pihak Institusi.

5.6.2 Guru Pelatih perlu akur dengan penentuan waktu pengajaran yang ditetapkan oleh institusi

5.7 Kehadiran Latihan Mengajar

5.7.1 Guru Pelatih diwajibkan hadir pada setiap hari bekerja dalam tempoh menjalani LM dan melaksanakan segala tanggungjawab yang telah ditetapkan.

5.7.2 Ketidakhadiran Guru Pelatih di institusi hanya dipertimbangkan apabila melibatkan perkara berikut, dengan kelulusan PuLaMI. Walau bagaimanapun, Guru Pelatih perlu menggantikan ketidakhadiran yang melebihi tiga (3) hari dengan menambah tempoh LM atau menjalankan / melengkapkan tugas lain mengikut mana yang sesuai dengan situasi semasa.

5.7.2.1 Menghidapi masalah kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan - terhad kepada maksimum tujuh (7) hari atau mengikut mana yang lebih rendah bagi setiap LM1 atau LM2, termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am; atau

5.7.2.2 Cuti Kuarantin yang disahkan oleh Pegawai Perubatan - tempoh yang boleh diluluskan adalah terhad kepada maksimum lima (5) hari bagi setiap kes atau selama tempoh perakuan yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai perubatan Kerajaan atau swasta mengikut mana yang lebih rendah, tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am (merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2016 – Kemudahan Cuti Kuarantin); atau

5.7.2.3 Mewakili Universiti atau Negara dalam sebarang aktiviti yang telah disahkan oleh Universiti - terhad kepada maksimum tujuh (7) hari atau mengikut mana yang lebih rendah bagi setiap LM1 atau LM2, termasuk hari rehat mingguan hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am; atau

- 5.7.2.4 Kematian ahli keluarga terdekat dengan dokumen sokongan sebagai bukti. ‘ahli keluarga terdekat’ bermaksud suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat¹, bapa kandung atau bapa angkat², ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat de facto dan anak pelihara (merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2015) - terhad kepada maksimum tiga (3) hari berturut-turut atau mengikut mana yang lebih rendah bagi setiap LM1 atau LM2, termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am; atau
- 5.7.2.5 Alasan-alasan lain yang difikirkan munasabah yang diterima oleh pihak PuLaMI dan Universiti; atau
- 5.7.2.6 Cuti umum yang diwartakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan/Negeri adalah tidak perlu diganti.
- 5.7.3 Guru Pelatih Pelatih yang sedang dalam LM, tetapi tidak hadir melebihi tempoh maksimum yang dibenarkan seperti di para 5.7.2.1 hingga 5.7.2.4, perlu mengemukakan permohonan penangguhan LM ke sesi yang lain sebelum tarikh tamat tempoh LM tersebut kepada fakulti atau akan memperoleh keputusan ‘gagal’.
- 5.7.4 Guru Pelatih tidak dibenarkan terlibat dengan sebarang aktiviti Universiti sepanjang menjalani LM.

5.8 Penangguhan Latihan Mengajar

- 5.8.1 Guru Pelatih wanita yang hamil tujuh (7) bulan atau lebih pada tarikh mula LM boleh memohon penangguhan LM ke sesi yang berikutnya dengan mengemukakan perakuan pegawai perubatan dari hospital Kerajaan.
- 5.8.2 Sekiranya Guru Pelatih wanita hamil dan menghadapi masalah selepas bersalin ketika menjalani LM, Guru Pelatih dinasihatkan agar menangguhkan LM.
- 5.8.3 Permohonan penangguhan LM selepas pendaftaran kursus perlu dikemukakan secara bertulis kepada Fakulti dalam tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bekerja sebelum menjalani LM.
- 5.8.4 Penangguhan LM tidak diambil kira dalam pengiraan semester untuk pengijazahan bagi kes-kes seperti yang berikut:
- 5.8.4.1 Menghidapi masalah kesihatan yang disahkan oleh pegawai perubatan Kerajaan; atau
- 5.8.4.2 Mewakili Universiti atau Negara dalam sebarang aktiviti yang telah disahkan oleh PuLaMI.
- 5.8.5 Penangguhan LM diambil kira dalam pengiraan semester untuk pengijazahan selain sebab di atas.
- 5.8.6 Sebarang penglibatan dalam aktiviti keagamaan seperti menuunaikan Umrah, Haji, dan sebagainya semasa menjalani LM perlu memohon penangguhan LM.

5.9 Kes Gagal Latihan Mengajar

5.9.1 Guru Pelatih gagal LM jika:

- 5.9.1.1 gagal menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) sebanyak sekurang-kurangnya tiga (3) kali pengajaran dalam sepanjang tempoh LM1 atau LM2; atau**
 - 5.9.1.2 tidak hadir melebihi tiga (3) hari tanpa kebenaran; atau**
 - 5.9.1.3 tidak melengkapkan Fail Persediaan Mengajar; atau**
 - 5.9.1.4 mempunyai masalah disiplin (tertakluk kepada peraturan institusi); atau**
 - 5.9.1.5 memperoleh markah kurang daripada 65 peratus bagi LM1 atau LM 2.**
- 5.9.2 Guru Pelatih yang gagal, perlu mengulang LM dan dibenarkan mengulang sekali (1) sahaja bagi LM1 dan mengulang sekali (1) sahaja bagi LM2. Sekiranya masih gagal, Guru Pelatih boleh diberhentikan daripada pengajian.**
 - 5.9.3 Guru Pelatih yang diberhentikan kerana gagal dalam LM boleh membuat rayuan kepada Senat melalui Fakulti. Keputusan Senat adalah muktamad.**

5.10 Cuti Latihan Mengajar

Guru Pelatih tidak diperuntukkan sebarang cuti rehat sepanjang menjalani LM.

6.0

PROSEDUR LATIHAN MENGAJAR

6.1 Persediaan Latihan Mengajar

6.1.1 Guru Pelatih dikehendaki:

- 6.1.1.1 membuat perhatian di kelas-kelas yang terlibat bersama-sama dengan guru kelas/guru mata pelajaran/guru pembimbing sebelum mengambil alih tugas. Perkara ini perlu dirunding dengan guru berkenaan.**
- 6.1.1.2 sentiasa bekerjasama dan berbincang dengan guru mata pelajaran yang diambil alih untuk memastikan kesinambungan dalam pengajaran. Kerjasama ini melibatkan perancangan dalam buku persediaan mengajar, kaedah pengajaran, ujian dan sebagainya.**
- 6.1.1.3 memastikan Buku Persediaan Mengajar dan RPH ditulis atau ditaip dengan lengkap dan kemas.**
- 6.1.1.4 memastikan RPH mengikut kehendak Sukatan Pelajaran/Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).**

- 6.1.1.5 menggunakan Fail Persediaan Mengajar yang telah disediakan oleh pihak PuLaMI.
- 6.1.1.6 mencatat dengan lengkap rekod kerja dan tanggungjawab dalam fail persediaan mengajar.
- 6.1.1.7 menyerahkan fail persediaan mengajar kepada Pentadbir Institusi untuk pemeriksaan dan pengesahan mengikut amalan di institusi berkenaan.
- 6.1.1.8 melampirkan Sukatan Pelajaran, DSKP, Huraian Sukatan Pelajaran, dan Rancangan Tahunan Mata Pelajaran yang diajar di dalam fail persediaan mengajar.


6.2 Pengajaran dan Pembelajaran

- 6.2.1 Pengajaran mestilah mengikut persediaan dalam RPH. Namun, Guru Pelatih boleh menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan dan perkembangan semasa pengajaran.
- 6.2.2 Aspek yang perlu diberi perhatian semasa PdP adalah seperti berikut:
 - 6.2.1.1 permulaan pengajaran; dan
 - 6.2.1.2 perkembangan pengajaran; dan
 - 6.2.1.3 pelaksanaan strategi/kaedah dan pemupukan kemahiran berfikir/berbahasa=nilai dan kemahiran proses sains; dan
 - 6.2.1.4 pengurusan bilik darjah/makmal/bengkel dan sebagainya; dan
 - 6.2.1.5 komunikasi/pertuturan; dan
 - 6.2.1.6 pencapaian objektif; dan
 - 6.2.1.7 pentaksiran; dan
 - 6.2.1.8 penguasaan isi kandungan; dan
 - 6.2.1.9 penyertaan pelajar; dan
 - 6.2.1.10 penutup pengajaran; dan
 - 6.2.1.11 refleksi kritis
- 6.2.1 Selain daripada itu, aspek sikap dan sahsiah seperti penampilan diri, keprihatinan, pekerti dan ciri-ciri profesional juga perlu dititikberatkan.
- 6.2.2 Guru Pelatih sangat digalakkan menggunakan kaedah pengajaran inovatif dan kreatif serta menggunakan pelbagai Bahan Bantuan Mengajar bagi memantapkan PdP.

6.3 Refleksi Kritis selepas Pengajaran dan Pembelajaran

6.3.1 Guru Pelatih dimestikan membuat refleksi kritis selepas setiap proses PdP serta mencatatnya dalam Fail Persediaan Mengajar.

6.3.2 Komponen refleksi kritis adalah seperti berikut:



6.3.3 Guru Pelatih perlu mengambil tindakan penambahbaikan PdP berdasarkan refleksi tersebut.

6.4 Penyeliaan

6.4.1 Penyeliaan pengajaran oleh Pensyarah Penyelia dan Guru Pembimbing adalah berdasarkan konsep pencerapan lapangan. Dalam pencerapan lapangan, Pensyarah Penyelia, Guru Pembimbing dan Guru Pelatih bersama-sama berusaha untuk memperbaiki kelemahan PdP serta memperkembangkan potensi dan kemahiran Guru Pelatih.

6.4.2 Pencerapan lapangan terdiri daripada tiga (3) fasa iaitu Pra pemerhatian, Pemerhatian Pengajaran dan Pasca pemerhatian.

6.4.2.1 Pra Pemerhatian:



6.4.2.2 Pemerhatian Pengajaran



6.4.2.3 Pasca Pemerhatian

- | | |
|----|---|
| a) | Membuat analisis data pemerhatian bagi menentukan fokus utama dan sampingan perbincangan; dan |
| b) | Membincangkan pencapaian dan ulasan berdasarkan kriteria penilaian; dan |
| c) | Membimbing Guru Pelatih membuat refleksi pengajaran; dan |
| d) | Membimbing Guru Pelatih menentukan langkah penambahan pengajaran akan datang; dan |
| e) | Menetapkan fokus bimbingan untuk penyeliaan akan datang (jika perlu). |

6.4.2.4 Panduan perancangan penyeliaan Guru Pembimbing adalah seperti berikut:

LM	Penyeliaan	Aktiviti	Tempoh
LM1 (KPR3044)	1	<ul style="list-style-type: none"> • Bimbingan 	Minggu 1 - 2
	2	<ul style="list-style-type: none"> • Bimbingan • Penilaian 	Minggu 3 - 4
	3	<ul style="list-style-type: none"> • Bimbingan 	Minggu 5 - 6
	4	<ul style="list-style-type: none"> • Bimbingan • Penilaian 	Minggu 7 - 8
LM2 (KPR3054)	1	<ul style="list-style-type: none"> • Bimbingan 	Minggu 1 - 2
	2	<ul style="list-style-type: none"> • Bimbingan • Penilaian 	Minggu 3 - 4
	3	<ul style="list-style-type: none"> • Bimbingan 	Minggu 5 - 6
	4	<ul style="list-style-type: none"> • Bimbingan • Penilaian 	Minggu 7 - 8

6.4.2.5 Panduan perancangan penyeliaan untuk Pensyarah Penyelia adalah seperti berikut:

LM	Penyeliaan	Aktiviti	Tempoh
LM1 (KPR3044)	1	<ul style="list-style-type: none"> • Lawatan Sosial • Bimbingan 	Minggu 3 - 4
	2	<ul style="list-style-type: none"> • Bimbingan • Penilaian 	Minggu 5 - 8
LM2 (KPR3054)	1	<ul style="list-style-type: none"> • Lawatan Sosial • Bimbingan 	Minggu 3 - 4
	2	<ul style="list-style-type: none"> • Bimbingan • Penilaian 	Minggu 5 - 8

Sekiranya Guru Pelatih menunjukkan kecenderungan untuk gagal semasa LM, tindakan berikut perlu dilaksanakan:

Kod Kursus	Tindakan perlu diambil
KPR3044/ KPR3054	<ul style="list-style-type: none">• Pensyarah Penyelia perlu melaporkan kepada Penyelaras LM dengan mengisi Borang Ulasan Guru Pelatih Yang Berpotensi Gagal selewat-lewatnya pada minggu ke-5 bagi kursus KPR3044 dan KPR3054; dan• mewujudkan jawatankuasa khas peringkat Fakulti bagi menyiasat laporan tersebut; dan• melantik Penyelia Rentas bagi membantu Guru Pelatih menangani masalah yang dihadapi atau mengesahkan laporan melalui Borang Rumusan Penyeliaan Rentas LM yang dibuat.

7.0 KRITERIA KELAYAKAN

7.1 Pensyarah Penyelia

- 7.1.1 Pensyarah dengan kelayakan ikhtisas pendidikan (Sijil Perguruan, Diploma Pendidikan, Ijazah Pendidikan, Ijazah dengan Pendidikan); atau
- 7.1.2 Pensyarah/Guru dengan kelayakan setara (Kursus Pendidikan dalam cuti atau pernah mengikuti latihan pendidikan yang diperakukuan oleh pihak Universiti dan penyeliaan bersama dengan Pensyarah yang diperakukuan oleh pihak PuLaMI); atau
- 7.1.3 Pensyarah/Guru dengan kelayakan ikhtisas pendidikan (Sijil Perguruan, Diploma Pendidikan, Ijazah Pendidikan, Ijazah dengan Pendidikan dan menyelia mata pelajaran yang berasaskan kepada bidang kepakarannya dan diperakukuan oleh pihak PuLaMI); atau
- 7.1.4 Pensyarah/Guru mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang yang berkenaan; atau
- 7.1.5 Pensyarah Kontrak dengan kelayakan ikhtisas pendidikan/setara yang disambung perkhidmatan selepas bersara wajib dan diperakukuan oleh pihak PuLaMI berasaskan kepada bidang kepakaran. Tempoh kontrak beliau mestilah berstatus aktif pada sesi LM tersebut.

- 7.1.6 Pensyarah yang tiada kelayakan ikhtisas, perlu menghadiri dengan jayanya kursus *Teaching, Learning, Assessment and Supervision* (TLAS) dan diperakukan oleh PuLaMI.
- 7.1.7 Pensyarah Penyelia hanya dibenarkan menyelia tidak melebihi enam (6) orang Guru Pelatih kecuali dengan kebenaran Fakulti.

7.2 Guru Pembimbing

- 7.2.1 Guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas pendidikan dan telah disahkan dalam jawatan; atau
- 7.2.2 Guru mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran atau bidang yang berkenaan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; atau
- 7.2.3 Guru mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran atau bidang yang berkenaan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; atau
- 7.2.4 Pentadbir institusi mencadangkan guru yang mengajar mata pelajaran di kelas yang diambil alih oleh Guru Pelatih sebagai Guru Pembimbing.

7.3 Penyelia Rentas

Pensyarah Penyelia yang dilantik jawatankuasa khas yang dianggotai oleh Dekan/ Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa)/Ketua Jabatan/Penyelaras LM atau Pensyarah bidang berkaitan yang dilantik oleh Fakulti berkenaan dan dimaklumkan kepada PuLaMI.

7.4 Penyelaras Latihan Mengajar Fakulti/Pusat/Program

- 7.4.1 Pensyarah dengan kelayakan ikhtisas pendidikan (Sijil Perguruan, Diploma Pendidikan, Ijazah Pendidikan, Ijazah dengan Pendidikan); atau
- 7.4.2 Pensyarah dengan kelayakan setara (Kursus Pendidikan dalam cuti atau pernah mengikuti latihan pendidikan yang diperakukan oleh pihak Universiti dan penyeliaan bersama dengan Pensyarah yang diperakukan oleh pihak PuLaMI).

8.0

TANGGUNGJAWAB DAN ETIKA

8.1 Tanggungjawab Pusat Latihan Mengajar dan Industri

- 8.1.1 Melantik Penyelaras LM berdasarkan cadangan daripada pihak Fakulti; dan
- 8.1.2 Menyediakan Buku Panduan, Buku Penyeliaan Latihan Mengajar dan dokumen lain yang berkaitan dengan LM; dan
- 8.1.3 Mempertimbangkan penempatan Guru Pelatih berdasarkan pilihan yang telah didaftarkan oleh pelajar di dalam sistem; dan
- 8.1.4 Menguruskan penempatan Guru Pelatih di institusi pendidikan; dan
- 8.1.5 Memastikan pihak institusi mencadangkan Guru Pembimbing yang berkelayakan dan bertanggungjawab untuk membimbing dan mencerap Guru Pelatih; dan
- 8.1.6 Melantik Guru Pembimbing; dan
- 8.1.7 Memantau pelaksanaan LM; dan
- 8.1.8 Menyelaras markah di peringkat Jawatankuasa Markah Latihan Mengajar; dan
- 8.1.9 Menyelaras laporan pelajar gagal LM; dan
- 8.1.10 Menyampaikan taklimat kepada Guru Pelatih; dan
- 8.1.11 Mengendalikan Bengkel Penyeliaan Latihan Mengajar secara berkala; dan
- 8.1.12 Menguruskan pembayaran tuntutan elaun Guru Pembimbing.

8.2 Tanggungjawab Fakulti/Pusat

- 8.2.1 Mencadangkan nama Penyelaras LM di peringkat Fakulti/Pusat/Program; dan
- 8.2.2 Mengadakan mesyuarat dari masa ke semasa untuk meneliti dan mempertimbangkan kes-kes khas berkaitan LM Guru Pelatih; dan
- 8.2.3 Mengemukakan justifikasi keputusan yang diambil bagi kes-kes khas; dan
- 8.2.4 Memperakukan keputusan penilaian Latihan Mengajar Guru Pelatih pada peringkat Fakulti/Pusat.

8.3 Tanggungjawab Penyelaras Kursus Latihan Mengajar

- 8.3.1 Menguruskan Proforma kursus Latihan Mengajar; dan
- 8.3.2 Menguruskan penggubalan dokumen / borang pentaksiran Latihan Mengajar; dan

- 8.3.3 Membantu pihak PuLaMI dalam penyediaan garis panduan Latihan Mengajar; dan
- 8.3.4 Menguruskan sistem MyGuru LMS Latihan Mengajar untuk semua Pensyarah Penyelia; dan
- 8.3.5 Memantau permarkahan Latihan Mengajar oleh Pensyarah Penyelia di dalam sistem; dan
- 8.3.6 Membentangkan markah-markah Guru Pelatih dalam mesyuarat Jawatankuasa Markah Latihan Mengajar di peringkat PuLaMI; dan
- 8.3.7 Menghadiri semua mesyuarat berkaitan LM di peringkat PuLaMI serta melaporkan segala maklumat yang diperoleh kepada pihak Fakulti.

8.4 Tanggungjawab Penyelaras LM Fakulti/Pusat/Program

- 8.4.1 Memastikan pelajar telah mendaftar kursus LM di Fakulti sebelum penempatan; dan
- 8.4.2 Membantu PuLaMI dalam menetapkan institusi untuk Guru Pelatih menjalani LM; dan
- 8.4.3 Menentukan (*assigning*) Pensyarah Penyelia untuk setiap Guru Pelatih melalui sistem; dan
- 8.4.4 Mengadakan taklimat khusus LM kepada semua Pensyarah penyelia dan Guru Pelatih di peringkat Fakulti/Pusat; dan
- 8.4.5 Mengadakan mesyuarat berkaitan LM di peringkat Fakulti; dan
- 8.4.6 Memastikan semua Pensyarah Penyelia telah memasukkan markah melalui sistem mengikut tarikh yang ditetapkan; dan
- 8.4.7 Menghadiri semua mesyuarat berkaitan LM sama ada di peringkat Fakulti dan PuLaMI serta melaporkan segala maklumat yang diperoleh kepada pihak Fakulti; dan
- 8.4.8 Melaporkan kes-kes khas di peringkat Fakulti; dan
- 8.4.9 Menyelaras laporan Guru Pelatih yang gagal LM di peringkat Fakulti/Pusat/Program dan mengemukakan kepada pihak PuLaMI.

8.5 Tanggungjawab Pensyarah Penyelia

- 8.5.1 Menyelia guru pelatih; dan
- 8.5.2 Mengendalikan sekurang-kurangnya satu (1) kali penyeliaan bersemuka sepanjang tempoh LMGuru Pelatih; dan
- 8.5.3 Membuat penilaian prestasi Guru Pelatih mengikut prosedur dan kaedah yang ditetapkan oleh Universiti; dan

- 8.5.4 Menerima pelantikan sebagai pensyarah penyelia daripada Universiti untuk menjalankan tugas penyeliaan; dan
- 8.5.5 Menghadiri taklimat program LM di peringkat Fakulti; dan
- 8.5.6 Berbincang dengan Guru Pelatih tentang LM sebelum dan sepanjang tempoh LM berlangsung; dan
- 8.5.7 Memastikan jadual PdP diterima daripada Guru Pelatih; dan
- 8.5.8 Membantu, menyokong, menasihat, membimbang, dan menilai (5M) Guru Pelatih; dan
- 8.5.9 Mengadakan lawatan sosial bagi mewujudkan hubungan baik antara Pensyarah Penyelia, Guru Pembimbang, Guru Pelatih dengan Pentadbir Institusi dan memahami situasi Guru Pelatih, persekitaran dan budaya institusi; dan
- 8.5.10 Memaklumkan kepada Penyelaras LM secara bertulis kes-kes khas yang memerlukan perhatian dan tindakan Universiti dengan segera; dan
- 8.5.11 Menyemak Buku Persediaan Mengajar Guru Pelatih mulai dari minggu pertama dan minggu seterusnya serta menandatangani Fail/Buku Persediaan Mengajar tersebut; dan
- 8.1.12 Memastikan perjumpaan pertama dengan Guru Pembimbang dapat diadakan semasa lawatan pertama ke institusi. Memberi penerangan jika guru pembimbang kurang faham dengan prosedur LM; dan**
- 8.5.13 Menyelia Guru Pelatih mengikut jadual dan bilangan penyeliaan yang telah ditetapkan; dan
- 8.5.14 Memantau prestasi dan disiplin Guru Pelatih sepanjang tempoh LM; dan
- 8.5.15 Berbincang dengan Guru Pembimbang tentang kes-kes khas Guru Pelatih yang perlu diberi perhatian segera; dan
- 8.5.16 Membincang dan menentukan gred LM Guru Pelatih bersama Guru Pembimbang; dan
- 8.5.17 Melengkap dan menyimpan semua dokumen berkaitan LM; dan
- 8.5.18 Mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa sesuai dengan kepentingan program dan Universiti; dan
- 8.5.19 Melaksanakan bilangan penyeliaan seperti yang ditetapkan. Pensyarah penyelia mesti melaporkan dengan segera kepada Penyelaras Latihan Mengajar Fakulti/Pusat/Program sekiranya tidak dapat melengkapkan bilangan penyeliaan atas sebab-sebab tertentu. Pensyarah penyelia tidak dibenarkan meminta rakan untuk menggantikan tempat beliau tanpa merujuk Penyelaras Latihan Mengajar Fakulti/Pusat/Program; dan
- 8.5.20 Memasukkan markah penilaian Latihan Mengajar ke dalam sistem; dan
- 8.5.21 Menyediakan laporan (berserta bukti yang berkaitan) jika pelajar gagal LM dan mengemukakannya kepada Penyelaras LM.

8.6 Tanggungjawab Guru Pembimbing

- 8.6.1 Menyelia dan menilai Guru Pelatih; dan
- 8.6.2 Menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) kali penyeliaan yang lengkap untuk sepanjang tempoh sesuatu sesi latihan mengajar Guru Pelatih; dan
- 8.6.3 Menyelia dan menilai aktiviti kokurikulum Guru Pelatih (tertakluk kepada keperluan institusi); dan
- 8.6.4 Menjalankan penilaian prestasi Guru Pelatih mengikut prosedur dan kaedah yang ditetapkan oleh Universiti; dan
- 8.6.5 Menyemak, memberi ulasan bertulis dan menandatangani buku persediaan mengajar Guru Pelatih; dan
- 8.6.6 Membimbang, menasihati dan membantu Guru Pelatih menyediakan rancangan PdP serta melaksanakannya dengan berkesan; dan
- 8.6.7 Membimbang Guru Pelatih ke arah perkembangan nilai dan sahsiah serta pemupukan nilai-nilai profesional keguruan; dan
- 8.6.8 Menyimpan rekod dan dokumen bimbingan/penyeliaan yang telah dikemas kini dan menyerahkannya kepada Pensyarah Penyelia; dan
- 8.6.9 Memaklumkan Pentadbir institusi mengenai kemajuan Guru Pelatih dari masa ke semasa; dan
- 8.6.10 Melaporkan sebarang kes atau keadaan berkaitan LM yang memerlukan tindakan segera daripada pihak Universiti kepada Pensyarah Penyelia dengan serta-merta; dan
- 8.6.11 Memantau dan memaklumkan salah laku disiplin Guru Pelatih kepada Pentadbir institusi dan Pensyarah Penyelia dengan segera sepanjang tempoh LM; dan
- 8.6.12 Berbincang dengan Pensyarah Penyelia tentang kes-kes khas Guru Pelatih yang perlu diberi perhatian segera; dan
- 8.6.13 Menjalankan penilaian terhadap Guru Pelatih mengikut prosedur dan kaedah yang ditetapkan oleh Universiti; dan
- 8.6.14 Membincang dan menentukan gred LM Guru Pelatih bersama Pensyarah Penyelia; dan
- 8.6.15 Melengkapkan borang-borang berkaitan penilaian LM; dan
- 8.6.16 Mengemukakan borang-borang berkaitan penilaian LM yang telah lengkap melalui emel atau menyerahkannya sendiri kepada Pensyarah Penyelia melalui Pentadbir Institusi.

8.7 Tanggungjawab Pihak Institusi

- 8.7.1 Memberi taklimat kepada Guru Pelatih tentang:
 - 8.7.1.1 sejarah, struktur, organisasi, pengurusan, peraturan, disiplin dan budaya institusi; dan
 - 8.7.1.2 tugas dan tanggungjawab semua pegawai di institusi; dan
 - 8.7.1.3 latar belakang sosioekonomi pelajar/murid dan masyarakat tempatan; dan
 - 8.7.1.4 tugas dan tanggungjawab Guru Pelatih di institusi semasa menjalani LM; dan
 - 8.7.1.5 penglibatan dalam aktiviti kurikulum dan aktiviti di institusi; dan
 - 8.7.1.6 jadual waktu dan takwim institusi kepada Guru Pelatih pada hari pertama mendaftar di institusi; dan
 - 8.7.1.7 tingkah laku Guru Pelatih dan peraturan kehadiran semasa LM; dan
 - 8.7.1.8 maklumat lain yang berkaitan.
- 8.7.2 Memberitahu secara bertulis kepada pihak Universiti dari semasa ke semasa tentang Guru Pelatih yang:
 - 8.7.2.1 tidak menjalankan tugas dengan memuaskan; atau
 - 8.7.2.2 mempunyai kes-kes disiplin; atau
 - 8.7.2.3 mempunyai kes-kes kesihatan atau kemalangan.
- 8.7.3 Menyemak dan mengesahkan fail persediaan mengajar Guru Pelatih.
- 8.7.4 Memastikan Guru Pelatih terlibat dalam aktiviti kurikulum.
- 8.7.5 Menjaga kebajikan Guru Pelatih sepanjang tempoh LM.
- 8.7.6 Memastikan Guru Pelatih TIDAK diberi tanggung jawab menjalankan tugas seperti:
 - 8.7.6.1 menjadi guru kelas; atau
 - 8.7.6.2 menjadi warden asrama; atau
 - 8.7.6.3 mengetuai rombongan aktiviti di luar institusi; atau
 - 8.7.6.4 Menjadi ketua guru pengiring pasukan institusi, dan sebagainya.

(Walau bagaimanapun, Guru Pelatih boleh membantu guru terlatih menjalankan tugas seperti di atas.)

8.8 Tanggungjawab Guru Pelatih

- 8.8.1 Menghadiri taklimat LM yang diadakan oleh PuLaMI; dan
- 8.8.2 Menghadiri taklimat LM yang diadakan oleh Penyelaras LM di peringkat Fakulti; dan
- 8.8.3 Berjumpa dan berbincang bersama Pensyarah Penyelia sebelum menjalani LM; dan
- 8.8.4 Memahami dan menghayati objektif dan peraturan LM; dan
- 8.8.5 Berbincang dengan Pensyarah Penyelia dan pihak institusi/Guru Pembimbing untuk mencapai persefahaman tentang peranan dan tanggungjawab semasa pelaksanaan LM; dan
- 8.8.6 Membina hubungan profesional dengan semua staf dan pelajar di institusi; dan
- 8.8.7 Menghantar dan memaklumkan Pensyarah Penyelia maklumat berkaitan jadual waktu, takwim institusi, senarai tugas dan maklumat lain pada minggu pertama latihan mengajar. Sebarang perubahan jadual waktu perlu dimaklumkan kepada Pensyarah Penyelia; dan
- 8.8.8 Memaklumkan Pensyarah Penyelia tentang cuti atau apa-apa aktiviti institusi semasa LM agar penyeliaan berjalan lancar; dan
- 8.8.9 Mematuhi dan mengamalkan etika keguruan, peraturan Universiti dan peraturan institusi sepanjang tempoh LM; dan
- 8.8.10 Hadir dan menjalankan tugas di institusi sepanjang tempoh LM; dan
- 8.8.11 Merekodkan kehadiran di institusi pada setiap hari bekerja; dan
- 8.8.12 Membuat persediaan mengajar berdasarkan jadual pengajaran yang ditentukan sepanjang tempoh LM; dan
- 8.8.13 Melibatkan diri dalam aktiviti akademik dan kokurikulum semasa menjalani LM; dan
- 8.8.14 Menyediakan laporan refleksi/penilaian kendiri selepas proses PdP berlangsung; dan
- 8.8.15 Mematuhi semua peraturan Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) di institusi Guru Pelatih yang menjalankan LM; dan
- 8.8.16 Mematuhi Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008; dan
- 8.8.17 Melaksanakan PdP dalam bahasa pengantar seperti ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia; dan
- 8.8.18 Mendapat kebenaran bertulis daripada pihak institusi bagi aktiviti yang dianjurkan oleh pihak lain.

8.9 Etika Pensyarah Penyelia, Guru Pembimbing dan Guru Pelatih

8.9.1 Etika Pensyarah Penyelia.

- 8.9.1.1 Mendapatkan kebenaran daripada Ketua Jabatan/Dekan Fakulti sebelum menjalankan tugas penyeliaan di institusi; dan**
- 8.9.1.2 Bertemu dengan pihak Pentadbir atau pegawai-pegawai di institusi bagi memohon kebenaran untuk menjalankan pencerapan terhadap Guru Pelatih; dan**
- 8.9.1.3 Berkommunikasi serta menjalinkan hubungan yang baik dengan Guru Pembimbing dan semua pihak di institusi; dan**
- 8.9.1.4 Elakkan unsur-unsur negatif seperti menjatuhkan air muka atau memarahi Guru Pelatih semasa proses penyeliaan. Teguran hendaklah bersifat profesional; dan**
- 8.9.1.5 Berintegriti dalam penyeliaan dan pentaksiran serta menepati masa; dan**
- 8.9.1.6 Mematuhi kod etika pakaian semasa waktu bekerja.**

8.9.2 Etika Guru Pembimbing.

- 8.9.2.1 Menjalin hubungan baik dan profesional dengan Guru Pelatih yang melapor diri di institusi; dan**
- 8.9.2.2 Bersifat profesional dalam melaksanakan penyeliaan; dan**
- 8.9.2.3 Melaporkan masalah dengan segera kepada Pensyarah Penyelia jika tidak dapat melengkapkan jumlah penyeliaan yang ditetapkan; dan**
- 8.9.2.4 Tidak dibenarkan menukar tugas dengan rakan sejawat tanpa merujuk Pentadbir Institusi; dan**
- 8.9.2.5 Elakkan unsur-unsur negatif seperti menjatuhkan air muka atau memarahi Guru Pelatih semasa proses penyeliaan. Teguran hendaklah bersifat profesional.**

8.9.3 Etika Guru Pelatih

- 8.9.3.1 Guru Pelatih mesti memahami dan mengamalkan etika profesi keguruan; dan**
- 8.9.3.2 Sekiranya menerima teguran daripada Pensyarah Penyelia, Pentadbir Institusi atau Guru Pembimbing, Guru Pelatih hendaklah bersikap positif; dan**
- 8.9.3.3 Guru Pelatih tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU)1871 dan sebarang pindaan yang berkaitan dengan Akta ini; dan**


8.9.3.4 Guru Pelatih dikehendaki mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 6/ 1985 bertarikh 9hb Mei 1985, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2001 dan surat edaran KPPM KP/KPPM/5 (49) mengenai peraturan berpakaian ketika di Institusi seperti berikut:



9.0

PENILAIAN LATIHAN MENGAJAR

9.1 Kriteria Penilaian Latihan Mengajar 1 (KPR3044)



9.1.1 Bahagian A - Perancangan (35%)

Perancangan ialah persediaaan Guru Pelatih sebelum memulakan proses PdP. Ia meliputi aspek penyediaan RPH berdasarkan perancangan PdP, amalan pedagogi masa kini, dan kemahiran insaniah.

9.1.1.1 Perancangan (25%)

a) Pengenalan (15%)

i. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (5%)

Menulis DSKP dengan betul dan lengkap berdasarkan minggu dalam rancangan pengajaran tahunan serta ada pengabungjalinan kemahiran dalam dokumen pembelajaran.

ii. Hasil Pembelajaran (5%)

Menulis hasil pembelajaran secara eksplisit, tepat, jelas, spesifik, dan mengikut kebolehan murid. Hasil pembelajaran perlu memenuhi kehendak DSKP.

iii. Isi Pembelajaran (5%)

Merancang isi pembelajaran yang sesuai serta menepati hasil pembelajaran dan DSKP

b) **Permulaan - Set Induksi (5%)**

Merancang aktiviti yang sesuai bagi menyediakan aliran pemikiran murid dan menimbulkan minat murid ke arah PdP yang disediakan.

c) **Perkembangan Pengajaran (30%)**

i. **Strategi Pengajaran Pembelajaran (5%)**

Merancang strategi yang sesuai, bertepatan serta mengambil kira semua hasil pembelajaran, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur-unsur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), dan PAK 21.

ii. **Kesesuaian Aktiviti dengan Strategi (5%)**

Merancang aktiviti yang sesuai, bertepatan dan mengambil kira semua strategi pengajaran pembelajaran yang dipilih.

iii. **Sumber dan Bahan Bantu Mengajar (5%)**

Pemilihan sumber dan BBM perlu sesuai dengan hasil pembelajaran, strategi, dan aktiviti pembelajaran. Sumber PdP perlu menarik minat murid dan mencukupi.

iv. **Pentaksiran (5%)**

Merancang dan menulis beberapa alat pentaksiran yang sesuai dengan isi kandungan pada setiap langkah bagi menunjukkan objektif pengajaran tercapai.

v. **Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (5%)**

Pernyataan elemen KBAT perlu jelas dan sesuai dalam langkah-langkah PdP serta aktiviti murid. Penggunaan bahan rangsangan KBAT juga perlu jelas.

vi. **Elemen Merentas Kurikulum (EMK) (5%)**

Elemen EMK perlu bersesuaian dengan tajuk yang diajar.

d) **Penutup (5%)**

Aktiviti pengukuhan atau penilaian perlu dirancang dengan jelas, menarik, dan kreatif.

9.1.1.2 **Amalan Pedagogi Masa Kini (5%)**

a) **Pemilihan Kaedah / Teknik Pedagogi (5%)**

Memilih amalan pedagogi masa kini yang bersesuaian dengan perancangan PdP.

9.1.1.3 Kemahiran Insaniah (KI) (5%)

a) Pemilihan Elemen KI (5%)

Memilih elemen KI yang bersesuaian dengan aktiviti PdP.

9.1.2 Bahagian B - Pelaksanaan (50%)

9.1.1.3 Pelaksanaan (35%)

a) Pemulaan - Set induksi (5%)

Perlu berupaya menarik perhatian minat belajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan murid dengan baik. Set induksi perlu sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman murid serta berkait rapat dengan objektif PdP. Fasa ini perlu dijalankan bagi mewujudkan kesediaan murid untuk belajar.

b) Perkembangan Pengajaran (5%)

Menyampaikan isi pelajaran dengan melaksanakan langkah-langkah pengajaran berserta Pengurusan masa yang teratur dan terkawal. Guru Pelatih perlu peka dengan perbezaan individu dalam kalangan murid serta sentiasa berusaha mengutamakan keperluan murid dengan mempelbagaikan aktiviti mengikut kehendak dan kebolehan murid yang menepati hasil pembelajaran.

c) Penguasaan Isi Kandungan (5%)

Menjelaskan konsep dan ilmu pengetahuan serta mengaitkan dengan keadaan persekitaran dengan baik dan difahami.

d) Komunikasi dan Bahasa yang Berkesan (5%)

Dapat mewujudkan komunikasi, interaksi serta menggunakan bahasa dengan baik dan berkesan dalam PdP.

e) Peneguhan dan Motivasi (5%)

Memberi peneguhan dan meningkatkan motivasi murid dengan baik dan berkesan.

f) Perbezaan Keupayaan Murid (Strategi) (5%)

Mengurus dan menangani kepelbagaian murid dengan baik dan berkesan.

g) Pencapaian Hasil Pembelajaran (5%)

Semua hasil pembelajaran yang disenaraikan perlu dicapai.

h) Pentaksiran (5%)

Menilai kemajuan yang dicapai oleh murid dengan berkesan. Dalam masa yang sama, memberi maklum balas serta memotivasikan murid dengan baik.

i) Pengurusan kelas (5%)

Dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memotivasikan murid dengan berkesan. Pengurusan masa yang baik serta peluang pembelajaran diagihkan sama rata kepada semua murid. PdP berjalan dengan lancar dan amalan rutin serta penguatkuasaan peraturan sangat berkesan.

j) Penglibatan murid (5%)

Semua murid perlu dilibatkan secara aktif dalam aktiviti PdP.

k) Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) (5%)

Penggunaan BBM termasuk Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) perlu sesuai, mencukupi, menarik, dan berkesan untuk membantu proses PdP bagi mencapai hasil pembelajaran.

l) Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (5%)

Perlu mengaplikasikan elemen KBAT dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan. Aktiviti PdP yang dijalankan perlu juga merangsang minda murid untuk menjana idea baharu dengan sokongan motivasi berterusan daripada Guru Pelatih.

m) Ilmu (5%)

Perlu mengaitkan isi kandungan pada setiap langkah pengajaran dengan ilmu dalam mata pelajaran lain yang dipilih dengan baik dan berkesan.

n) Penerapan Nilai (5%)

Perlu menerapkan nilai murni dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.

o) Penutup (5%)

Menamatkan PdP dengan aktiviti pengukuhan / penilaian yang berkesan. Isi-isi utama perlu dicungkil dan membuat rumusan dengan berkesan. Dalam masa yang sama, memberi peneguhan dan memotivasikan murid.

9.1.2.2 Amalan Pedagogi Masa Kini (5%)

a) Pelaksanaan Prosedur (5%)

Perlu mengaplikasikan amalan pedagogi yang dipilih, mematuhi prosedur sepanjang PdP, dan melaksanakan amalan 6K (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreativiti, karakter, dan kewarganegaraan). Dalam massa yang sama, Guru Pelatih perlu mempamerkan penguasaan ilmu semasa mengendalikan PdP.

b) Kesejajaran Aktiviti PdP dengan Amalan Pedagogi yang Dipilih (5%)

Aktiviti PdP perlu sejahtera dengan amalan pedagogi yang dipilih.

c) Kepelbagaiannya Murid (5%)

Guru Pelatih perlu menguruskan pelbagai aspek melibatkan latar belakang murid seperti seperti jantina, bangsa, agama, sosial, ekonomi budaya, tahap kognitif, perbezaan fizikal, minat, dan kecenderungan dengan baik serta berkesan semasa menyampaikan pengajaran.

9.1.2.3 Kemahiran Insaniah (KI) (5%)

Pensyarah Penyelia / Guru Pembimbing perlu memilih hanya salah satu (jika ada) elemen KI berikut yang diaplikasi oleh Guru Pelatih dalam PdP bagi mempertimbangkan pemberian markah.

i. Kemahiran Komunikasi (5%)

Kebolehan berkomunikasi yang berkesan dalam konteks yang berlainan secara lisan atau bertulis.

ii. Kemahiran Kritis dalam Kemahiran Penyelesaian Masalah (5%)

Mempunyai kebolehan menyampaikan idea secara kritis, kreatif, dan inovatif serta berkemampuan menyelesaikan masalah dengan membuat keputusan yang tepat.

iii. Kemahiran Sosial - Kerja Berpasukan (5%)

Mempunyai kebolehan untuk membina hubungan, berinteraksi, dan bekerjasama secara efektif untuk mencapai objektif dalam kerja berpasukan.

iv. Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pengurusan Maklumat (5%)

Mempunyai kebolehan untuk membina hubungan, berinteraksi, dan bekerjasama secara efektif untuk mencapai objektif dalam kerja berpasukan.

v. **Kemahiran Keusahawanan (5%)**

Mempunyai kebolehan untuk membina hubungan, berinteraksi, dan bekerjasama secara efektif untuk mencapai objektif dalam kerja berpasukan.

vi. **Etika dan Moral Profesional (5%)**

Mengamalkan etika dan moral profesionalisme keguruan.

vii. **Kemahiran Kepimpinan (5%)**

Menerapkan sifat akauntabiliti, komitmen, dan kepemimpinan dalam PdP.

9.1.2.4 Etika Pengajaran (5%)

a) **Penampilan Diri (5%)**

Berpakaian sopan dan kemas serta sesuai sebagai seorang guru. Berkomunikasi dengan baik dengan murid, bahasa yang baik, dan dapat menjadi contoh serta ikutan kepada murid.

b) **Ciri-Ciri Profesional (5%)**

Guru Pelatih perlu menunjukkan sikap komited, berdedikasi, bertanggungjawab, berdisiplin, menjaga masa dan menjadi contoh yang baik dan berkesan semasa mengendalikan pengajaran.

9.1.3 Bahagian C - Refleksi (5%)

a) **Kekuatan (5%)**

Dapat mengenal pasti serta menilai kekuatan dalam perancangan dan pengajaran yang disampaikan. Dapat membuat penambahbaikan serta menghubungkaitkan sebab dan akibat terhadap tindakan yang akan diambil.

b) **Kelemahan (5%)**

Dapat mengenal pasti serta menilai kelemahan diri. Dapat membuat penambahbaikan serta menghubungkaitkan sebab dan akibat terhadap tindakan yang akan diambil

c) **Penambahbaikan (5%)**

Menunjukan semua aspek kekuatan ditingkatkan dan aspek kelemahan dibaiki. Semuanya perlu dinyatakan dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dengan baik.

9.1.4 Penilaian Etika Profesional Guru Pelatih (5%)

- 9.1.4.1 Guru Pelatih mesti menunjukkan / mempamerkan etika profesional sebagai seorang guru yang merangkumi kehadiran ke sekolah, menepati masa pengajaran, berpakaian kemas, penampilan diri, hubungan dengan rakan sekerja, bahasa / komunikasi yang baik, menyemak hasil kerja murid, bertanggung jawab terhadap tugas yang diberi, penglibatan aktiviti sekolah, dan sumbangan guru pelatih kepada sekolah.
- 9.1.4.2 Setiap penglibatan yang dinyatakan perlu ditandakan ('✓') dalam ruangan yang disediakan dalam Borang Penilaian Etika Profesional Guru Pelatih.
- 9.1.4.3 Borang Penilaian Etika Profesional Guru Pelatih perlu dikemukakan bersama-sama dengan Borang Penyeliaan LM (KPR3044) kepada Pensyarah Penyelia.

9.1.5 Aktiviti Kokurikulum Guru Pelatih (5%)

- 9.1.5.1 Guru Pelatih mesti melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum sama ada dalam aktiviti unit beruniform atau sukan/permainan atau kelab/persatuan dan aktiviti-aktiviti lain institusi.
- 9.1.5.2 Setiap penglibatan yang dinyatakan perlu ditandakan ('✓') dalam ruangan yang disediakan dalam Borang Pentaksiran Kokurikulum.
- 9.1.5.3 Setiap penglibatan yang dinyatakan perlu ditandakan (' ') dalam ruangan yang disediakan dalam Borang Pentaksiran Kokurikulum.

9.2 Kriteria Penilaian Latihan Mengajar 2 (KPR3054)

Bahagian C- Refleksi



9.2.1 Bahagian A - Perancangan (25%)

Perancangan ialah persediaan Guru Pelatih sebelum memulakan proses PdP. Ia meliputi aspek penyediaan RPH berdasarkan perancangan PdP, amalan pedagogi masa kini, dan kemahiran insaniah.

9.2.1.1 Perancangan (15%)

a) Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (5%)

Menulis DSKP dengan betul dan lengkap berdasarkan minggu dalam rancangan pengajaran tahunan serta ada pengabungjalinan kemahiran dalam ddkumen pembelajaran.

b) Hasil Pembelajaran (5%)

Menulis hasil pembelajaran secara eksplisit, tepat, jelas, spesifik, dan mengikut kebolehan murid. Hasil pembelajaran perlu memenuhi kehendak DSKP.

c) Isi Pembelajaran (5%)

Isi pelajaran perlu sesuai dan menepati hasil pembelajaran dan DSKP. Pemeringkatan isi pelajaran juga perlu mengikut urutan untuk mencapai hasil pembelajaran.

d) Strategi Pengajaran Pembelajaran (5%)

Merancang strategi yang sesuai, bertepatan serta mengambil kira semua hasil pembelajaran, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur-unsur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), dan PAK 21.

e) Kesesuaian Aktiviti dengan Strategi (5%)

Merancang strategi yang sesuai, bertepatan serta mengambil kira semua hasil pembelajaran, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur-unsur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), dan PAK 21.

f) Sumber dan Bahan Bantu Mengajar (5%)

Pemilihan sumber dan BBM perlu sesuai dengan hasil pembelajaran, strategi, dan aktiviti pembelajaran. Sumber PdP perlu menarik minat murid dan mencukupi.

g) Pentaksiran (5%)

Merancang dan menulis beberapa alat pentaksiran yang sesuai dengan isi kandungan pada setiap langkah bagi menunjukkan objektif pengajaran tercapai.

h) Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (5%)

Pernyataan elemen KBAT perlu jelas dan sesuai dalam langkah-langkah PdP serta aktiviti murid. Penggunaan bahan rangsangan KBAT juga perlu jelas.

i) Elemen Merentas Kurikulum (EMK) (5%)

Elemen EMK perlu bersesuaian dengan tajuk yang diajar.

9.2.1.2 Amalan Pedagogi Masa Kini (5%)

a) Pemilihan Kaedah / Teknik Pedagogi (5%)

Memilih amalan pedagogi masa kini yang bersesuaian dengan perancangan PdP.

9.2.1.3 Kemahiran Insaniah (KI) (5%)

a) Pemilihan Elemen KI yang bersesuaian (5%)

Memilih elemen KI yang bersesuaian dengan aktiviti PdP.

9.2.2 Bahagian B - Pelaksanaan (60%)

9.2.2.1 Pelaksanaan (25%)

a) Permulaan - Set Induksi (5%)

Perlu berupaya menarik perhatian minat belajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan murid dengan baik. Set induksi perlu sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman murid serta berkait rapat dengan objektif PdP. Fasa ini perlu dijalankan bagi mewujudkan kesediaan murid untuk belajar.

b) Perkembangan Pengajaran (5%)

Menyampaikan isi pelajaran dengan melaksanakan langkah-langkah pengajaran berserta Pengurusan masa yang teratur dan terkawal. Guru Pelatih perlu peka dengan perbezaan individu dalam kalangan murid serta sentiasa berusaha mengutamakan keperluan murid dengan mempelbagaikan aktiviti mengikut kehendak dan kebolehan murid yang menepati hasil pembelajaran.

c) Komunikasi dan Bahasa yang Berkesan (5%)

Dapat mewujudkan komunikasi, interaksi serta menggunakan bahasa dengan baik dan berkesan dalam PdP.

- d) **Peneguhan dan Motivasi (5%)**

Memberi peneguhan dan meningkatkan motivasi murid dengan baik dan berkesan.
- e) **Perbezaan Keupayaan Murid (Strategi) (5%)**

Mengurus dan menangani kepelbagaian murid dengan baik dan berkesan.
- f) **Pencapaian Hasil Pembelajaran (5%)**

Semua hasil pembelajaran yang disenaraikan perlu dicapai.
- g) **Pentaksiran (5%)**

Menilai kemajuan yang dicapai oleh murid dengan berkesan. Dalam masa yang sama, memberi maklum balas serta memotivasikan murid dengan baik.
- h) **Pengurusan Kelas (5%)**

Dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memotivasikan murid dengan berkesan. Pengurusan masa yang baik serta peluang pembelajaran diagihkan sama rata kepada semua murid. PdP berjalan dengan lancar dan amalan rutin serta penguatkuasaan peraturan sangat berkesan.
- i) **Penglibatan Murid (5%)**

Semua murid perlu dilibatkan secara aktif dalam aktiviti PdP.
- j) **Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) (5%)**

Penggunaan BBM termasuk Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) perlu sesuai, mencukupi, menarik, dan berkesan untuk membantu proses PdP bagi mencapai hasil pembelajaran.
- k) **Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (5%)**

Perlu mengaplikasikan elemen KBAT dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan. Aktiviti PdP yang dijalankan perlu juga merangsang minda murid untuk menjana idea baharu dengan sokongan motivasi berterusan daripada Guru Pelatih.
- l) **Ilmu (5%)**

Perlu mengaitkan isi kandungan pada setiap langkah pengajaran dengan ilmu dalam mata pelajaran lain yang dipilih dengan baik dan berkesan.

m) Penerapan Nilai (5%)

Perlu menerapkan nilai murni dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.

n) Penutup (5%)

Menamatkan PdP dengan aktiviti pengukuhan / penilaian yang berkesan. Isi-isi utama perlu dicungkil dan membuat rumusan dengan berkesan. Dalam masa yang sama, memberi peneguhan dan memotivasikan murid.

9.2.2.2 Penguasaan Isi Kandungan (20%)

a) Kedalaman Ilmu Pengetahuan (5%)

Perlu menyampaikan ilmu pengetahuan serta menjawab dengan baik dan jelas terhadap sesuatu perkara yang diajar atau dibincangkan dengan mendalam serta memberi contoh-contoh dengan baik dan berkesan.

b) Fakta / Konsep / Teori / Generalisasi / Rutin (5%)

Perlu menjelaskan dan membuat perkaitan tentang fakta, konsep, teori, generalisasi atau rutin dalam sesuatu kemahiran yang diajar dengan baik dan berkesan.

c) Kejelasan Penerangan (5%)

Penerangan perlu tepat, jelas, terang serta memberi contoh mudah difahami oleh murid. Dalam masa yangsama, murid dapat menyelesaikan masalah berdasarkan penerangan Guru Pelatih.

d) Membuat Perkaitan (5%)

Membuat perkaitan dalam semua aspek seperti pengetahuan sedia ada, pengalaman pembelajaran, isu- isu persekitaran, dan EMK dalam sesuatu topik yang diajar dengan baik serta berkesan.

9.2.2.3 Amalan Pedagogi Masa Kini (5%)

a) Perlaksanaan Prosedur (5%)

Perlu mengaplikasikan amalan pedagogi yang dipilih, mematuhi prosedur sepanjang PdP, dan melaksanakan amalan 6K (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreativiti, karakter, dan kewarganegaraan). Dalam massa yang sama, Guru Pelatih perlu mempamerkan penguasaan ilmu semasa mengendalikan PdP.

- b) Kesejajaran Aktiviti PdP dengan Amalan Pedagogi yang Dipilih (5%)

Aktiviti PdP perlu sejajar dengan amalan pedagogi yang dipilih.

- c) Kepelbagaiannya Murid (5%)

Guru Pelatih perlu menguruskan pelbagai aspek melibatkan latar belakang murid seperti seperti jantina, bangsa, agama, sosial, ekonomi budaya, tahap kognitif, perbezaan fizikal, minat, dan kecenderungan dengan baik serta berkesan semasa menyampaikan pengajaran.

9.2.2.4 Kemahiran Insaniah (KI) (5%)

Pensyarah Penyelia / Guru Pembimbing perlu memilih hanya salah satu (jika ada) elemen KI berikut yang diaplikasi oleh Guru Pelatih dalam PdP bagi mempertimbangkan pemberian markah.

- i) Kemahiran Komunikasi (5%)

Kebolehan berkomunikasi yang berkesan dalam konteks yang berlainan secara lisan atau bertulis.

- ii) Kemahiran Kritis dalam Kemahiran Penyelesaian Masalah (5%)

Mempunyai kebolehan menyampaikan idea secara kritis, kreatif, dan inovatif serta berkemampuan menyelesaikan masalah dengan membuat keputusan yang tepat.

- iii) Kemahiran Sosial-Kerja Berpasukan (5%)

Mempunyai kebolehan untuk membina hubungan, berinteraksi, dan bekerjasama secara efektif untuk mencapai objektif dalam kerja berpasukan.

- iv) Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pengurusan Maklumat (5%)

Mempunyai kebolehan dalam aspek mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber dan sangat bersifat terbuka untuk menerima idea-idea baharu.

- v) Kemahiran Keusahawanan (5%)

Mempunyai keupayaan untuk meneroka peluang serta membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti PdP berkaitan keusahawanan, dan pekerjaan.

- vi) Etika dan Moral Profesional (5%)

Mengamalkan etika dan moral profesionalisme keguruan.

- vii) Kemahiran kempimpinan (5%)

Menerapkan sifat akauntabiliti, komitmen dan kepimpinan dalam PdP

9.2.2.5 Etika Pengajaran (5%)

a) Penampilan Diri (5%)

Berpakaian sopan dan kemas serta sesuai sebagai seorang guru. Berkomunikasi dengan baik dengan murid, bahasa yang baik, dan dapat menjadi contoh serta ikutan kepada murid.

b) Ciri-Ciri Profesional (5%)

Guru Pelatih perlu menunjukkan sikap komited, berdedikasi, bertanggungjawab, berdisiplin, menjaga masa dan menjadi contoh yang baik dan berkesan semasa mengendalikan pengajaran.

9.2.3 Bahagian C - Refleksi (5%)

a) Kekuatan (5%)

Dapat mengenal pasti serta menilai kekuatan dalam perancangan dan pengajaran yang disampaikan. Dapat membuat penambahbaikan serta menghubungkaitkan sebab dan akibat terhadap tindakan yang akan diambil.

b) Kelemahan (5%)

Dapat mengenal pasti serta menilai kelemahan diri. Dapat membuat penambahbaikan serta menghubungkaitkan sebab dan akibat terhadap tindakan yang akan diambil

c) Penambahbaikan (5%)

Menunjukkan semua aspek kekuatan ditingkatkan dan aspek kelemahan dibaiki. Semuanya perlu dinyatakan dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dengan baik.

9.2.4 Penilaian Etika Profesional Guru Pelatih (5%)

9.2.4.1 Guru Pelatih mesti menunjukkan / mempamerkan etika profesional sebagai seorang guru yang merangkumi kehadiran ke sekolah, menepati masa pengajaran, berpakaian kemas, penampilan diri, hubungan dengan rakan sekerja, bahasa / komunikasi yang baik, menyemak hasil kerja murid, bertanggung jawab terhadap tugas yang diberi, penglibatan aktiviti sekolah, dan sumbangan guru pelatih kepada sekolah.

9.2.4.2 Setiap penglibatan yang dinyatakan perlu ditandakan ('✓') dalam ruangan yang disediakan dalam Borang Penilaian Etika Profesional Guru Pelatih.

9.2.4.3 Borang Penilaian Etika Profesional Guru Pelatih perlu dikemukakan bersama-sama dengan Borang Penyeliaan LM (KPR3054) kepada Pensyarah Penyelia.

9.2.5 Aktiviti Kokurikulum Guru Pelatih (5%)

- 9.2.5.1 Guru Pelatih mesti melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum sama ada dalam aktiviti unit beruniform atau sukan/permainan atau kelab/persatuan dan aktiviti-aktiviti lain institusi.**
- 9.2.5.2 Setiap penglibatan yang dinyatakan perlu ditandakan ('✓') dalam ruangan yang disediakan dalam Borang Pentaksiran Kokurikulum.**
- 9.2.5.3 Borang Pentaksiran Kokurikulum perlu dihantar bersama-sama dengan Borang Penyeliaan LM (KPR3054) kepada Pensyarah Penyelia.**

10.0 PINDAAN TEMPOH

Sebarang perubahan tempoh tertakluk kepada struktur program yang ditentukan oleh Senat.

11.0 PEMAKAIAN

- 11.1 Buku Panduan ini adalah terpakai kepada pelajar-pelajar UPSI bermula ambilan / kohort pada Semester 1 Sesi 2019/2020 (191) sehingga Semester 2 Sesi 2020/2021 (202) yang mengikuti Kursus LM bagi Ijazah SarjanaMuda Pendidikan dan Ijazah Sarjana Muda dengan Pendidikan di bawah program Universiti Pendidikan Sultan Idris. Maklumat yang terkandung di dalam buku panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa.**
- 11.2 Pelajar-pelajar UPSI yang mengikuti Kursus LM adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan tidak pada bila-bila masa tertakluk kepada Akta Kerja 1955.**

RUBRIK LATIHAN MENGAJAR 1 (KPR3044)

A. PERANCANGAN

A.1. PERANCANGAN					
Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
a. Pengenalan					
• Dokumen kurikulum	RPH tidak ditulis.	RPH ditulis tetapi tidak mengikut rancangan pengajaran tahunan.	Hanya menulis sebahagian RPH.	RPH ditulis dengan betul dan lengkap berdasarkan minggu dalam rancangan pengajaran tahunan.	RPH disediakan dengan betul dan lengkap berdasarkan dokumen kurikulum dan rancangan pengajaran tahunan
• Hasil pembelajaran	Hasil pembelajaran tidak eksplisit, tidak tepat dan tidak sesuai dengan kebolehan murid. Hasil pembelajaran tidak memenuhi kehendak dokumen kurikulum.	Hasil pembelajaran kurang eksplisit, kurang tepat dan kurang sesuai dengan kebolehan murid. Hasil pembelajaran kurang memenuhi kehendak dokumen kurikulum.	Hasil pembelajaran sederhana eksplisit, sederhana tepat, sederhana jelas dan mengikut kebolehan murid. Hasil pembelajaran masih memenuhi kehendak dokumen kurikulum.	Hasil pembelajaran eksplisit, tepat, jelas dan mengikut kebolehan murid. Hasil pembelajaran memenuhi kehendak dokumen kurikulum.	Hasil pembelajaran sangat eksplisit, sangat tepat, sangat jelas, sangat spesifik dan mengikut kebolehan murid. Hasil pembelajaran sangat memenuhi kehendak dokumen kurikulum.
• Isi pelajaran	Isi pelajaran tidak sesuai dengan hasil pembelajaran dan dokumen kurikulum. Pemeringkatan isi pelajaran tidak mengikut urutan untuk mencapai hasil pembelajaran.	Isi pelajaran kurang sesuai dengan hasil pembelajaran dan dokumen kurikulum. Pemeringkatan isi pelajaran tidak mengikut urutan untuk mencapai hasil pembelajaran.	Isi pelajaran masih boleh disesuaikan dengan hasil pembelajaran dan dokumen kurikulum. Pemeringkatan isi pelajaran mengikut urutan untuk mencapai hasil pembelajaran tetapi boleh ditambah baik	Isi pelajaran sesuai dan menepati hasil pembelajaran dan dokumen kurikulum. Pemeringkatan isi pelajaran jelas mengikut urutan untuk mencapai hasil pembelajaran.	Isi pelajaran sangat sesuai dan menepati hasil pembelajaran dan dokumen kurikulum. Pemeringkatan isi pelajaran sangat jelas mengikut urutan untuk mencapai hasil pembelajaran.
b. Permulaan					
• Set induksi	Aktiviti yang dirancang tidak dapat menyediakan aliran pemikiran murid dan menimbulkan minat murid ke arah PdP yang disediakan.	Aktiviti yang dirancang kurang sesuai bagi menyediakan aliran pemikiran murid dan menimbulkan minat murid ke arah PdP yang disediakan.	Aktiviti yang dirancang boleh ditambah baik bagi menyediakan aliran pemikiran murid dan menimbulkan minat murid ke arah PdP yang disediakan.	Aktiviti yang dirancang sesuai bagi menyediakan aliran pemikiran murid dan menimbulkan minat murid ke arah PdP yang disediakan.	Aktiviti yang dirancang sangat sesuai bagi menyediakan aliran pemikiran murid, dan menimbulkan minat murid ke arah PdP yang disediakan.
c. Perkembangan Pengajaran					
• Strategi pengajaran pembelajaran	Strategi tidak sesuai dan tidak mengambil kira hasil pembelajaran yang hendak dicapai, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur-unsur TMK dan PAK 21.	Strategi kurang sesuai dan kurang mengambil kira hasil pembelajaran yang hendak dicapai, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur-unsur TMK dan PAK 21.	Strategi sesuai tetapi hanya mengambil kira sebahagian hasil pembelajaran yang hendak dicapai, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur-unsur TMK dan PAK 21.	Strategi sesuai, bertepatan dan mengambil kira semua hasil pembelajaran, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur-unsur TMK dan PAK 21.	Strategi sangat sesuai, bertepatan dan mengambil kira semua hasil pembelajaran, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur-unsur TMK dan PAK 21.
• Kesesuaian aktiviti dengan strategi	Aktiviti tidak sesuai dan tidak mengambil kira strategi pengajaran pembelajaran yang dipilih.	Aktiviti kurang sesuai dan hanya mengambil kira sebahagian strategi pengajaran pembelajaran yang dipilih.	Aktiviti sesuai dan mengambil kira sebahagian strategi pengajaran pembelajaran yang dipilih.	Aktiviti sesuai, bertepatan dan mengambil kira semua strategi pengajaran pembelajaran yang dipilih.	Aktiviti sangat sesuai, bertepatan dan mengambil kira semua strategi pengajaran pembelajaran yang dipilih.
• Sumber dan Bahan Bantu Mengajar (BBM)	Pemilihan sumber dan BBM tidak sesuai dengan hasil pembelajaran, strategi dan aktiviti pembelajaran. Sumber PdP yang tidak mencukupi.	Pemilihan sumber dan BBM kurang sesuai dengan hasil pembelajaran, strategi dan aktiviti pembelajaran. Sumber PdP yang kurang mencukupi.	Pemilihan sumber dan BBM sederhana sesuai dengan beberapa hasil pembelajaran, strategi dan aktiviti pembelajaran. Sumber PdP yang masih mencukupi.	Pemilihan sumber dan BBM sesuai dengan hasil pembelajaran, strategi dan aktiviti pembelajaran. Sumber PdP yang menarik dan mencukupi.	Pemilihan sumber dan BBM sangat sesuai dengan hasil pembelajaran, strategi dan aktiviti pembelajaran. Sumber PdP yang sangat menarik dan sangat mencukupi.
• Pentaksiran	Tidak merancang dan menulis kaedah dan alat pentaksiran.	Merancang dan menulis kaedah dan alat pentaksiran yang tidak sesuai dengan isi kandungan dalam perancangan pengajaran.	Merancang dan menulis kaedah dan alat pentaksiran yang sesuai dengan isi kandungan pada satu langkah dengan baik dan berkesan.	Merancang dan menulis kaedah dan alat pentaksiran yang sesuai dengan isi kandungan pada setiap langkah dengan baik dan berkesan bagi menunjukkan hasil pengajaran tercapai.	Merancang dan menulis kaedah dan alat pentaksiran yang sesuai dengan isi kandungan pada setiap langkah dengan baik dan berkesan bagi menunjukkan objektif pengajaran tercapai.

A.1. PERANCANGAN					
Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
• Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	Tiada pernyataan mengenai elemen KBAT dalam langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti murid. Tiada penggunaan bahan rangsangan yang sesuai dengan elemen KBAT.	Terdapat pernyataan elemen KBAT tetapi kurang sesuai dengan langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti murid. Penggunaan bahan rangsangan KBAT yang kurang jelas.	Terdapat pernyataan elemen KBAT yang sederhana sesuai dalam langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti murid. Penggunaan bahan rangsangan KBAT yang boleh ditambah baik.	Pernyataan elemen KBAT jelas dan sesuai dalam langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti murid. Penggunaan bahan rangsangan KBAT yang jelas.	Pernyataan elemen KBAT sangat jelas dan sesuai dalam langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti murid. Penggunaan bahan rangsangan KBAT yang amat jelas.
• Elemen Merentas Kurikulum (EMK)	EMK tidak dinyatakan dalam tajuk yang diajar.	EMK kurang sesuai dengan tajuk yang diajar.	EMK boleh ditambah baik supaya bersesuaian dengan tajuk yang diajar.	EMK bersesuaian dengan tajuk yang diajar.	EMK sangat bersesuaian dengan tajuk yang diajar.

d. Penutup

• Penutup	Aktiviti pengukuhan atau pentaksiran dirancang tidak jelas.	Aktiviti pengukuhan atau pentaksiran yang dirancang kurang jelas.	Aktiviti pengukuhan atau pentaksiran yang dirancang sederhana jelas.	Aktiviti pengukuhan atau pentaksiran dirancang dengan jelas, menarik dan kreatif.	Aktiviti pengukuhan atau pentaksiran dirancang dengan sangat jelas menarik dan kreatif.
-----------	---	---	--	---	---

A.2. AMALAN PEDAGOGI MASA KINI

Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
• Pemilihan kaedah / teknik pedagogi	Memilih amalan pedagogi yang tidak sesuai dengan perancangan PdP.	Memilih amalan pedagogi yang kurang sesuai dengan perancangan PdP.	Memilih amalan pedagogi yang masih bersesuaian dengan perancangan PdP.	Memilih amalan pedagogi masa kini yang bersesuaian dengan perancangan PdP.	Memilih amalan pedagogi masa kini yang sangat bersesuaian dengan perancangan PdP.

A.3. KEMAHIRAN INSANIAH

Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
• Pemilihan elemen KI yang bersesuaian	Memilih elemen KI yang tidak bersesuaian dengan aktiviti PdP.	Memilih elemen KI yang kurang bersesuaian dengan aktiviti PdP.	Memilih elemen KI yang sederhana bersesuaian dengan aktiviti PdP.	Memilih elemen KI yang bersesuaian dengan aktiviti PdP.	Memilih elemen KI yang sangat bersesuaian dengan aktiviti PdP.

B. PELAKSANAAN

B.1. PELAKSANAAN					
Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
a. Permulaan - Set induksi	Tidak berupaya menarik perhatian minat belajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan murid. Tidak sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman murid.	Kurang berupaya menarik perhatian minat belajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan murid. Kurang sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman murid.	Masih berupaya menarik perhatian minat belajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan murid. Masih sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman murid.	Berupaya menarik perhatian minat belajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan murid. Sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman murid.	Berupaya menarik perhatian minat belajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan murid dengan sangat baik. Sangat sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman murid.
b. Perkembangan pengajaran	Penyampaian isi pelajaran tidak teratur.	Penyampaian isi pelajaran kurang teratur.	Penyampaian isi pelajaran sederhana teratur.	Penyampaian isi pelajaran teratur.	Penyampaian isi pelajaran sangat teratur.
c. Penguasaan Isi kandungan	Kefahaman yang amat terhad tentang mata pelajaran. Pengetahuan yang amat terhad tentang keperluan kurikum sekolah. Amat kurang keupayaan mengembangkan pengetahuan. Bergantung sepenuhnya kepada buku teks atau rujukan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.	Kefahaman yang terhad tentang mata pelajaran. Pengetahuan yang terhad tentang keperluan kurikum sekolah. Kurang keupayaan mengembangkan pengetahuan. Terlalu bergantung kepada buku teks atau rujukan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.	Kefahaman yang sederhana tentang mata pelajaran. Pengetahuan yang sederhana tentang keperluan kurikum sekolah. Keupayaan yang terhad dalam mengembangkan pengetahuan. Bergantung secara minima kepada buku teks atau rujukan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.	Penguasaan yang baik tentang mata pelajaran. Pengetahuan yang baik tentang keperluan kurikum sekolah. Keupayaan yang baik dalam mengembangkan pengetahuan. Tidak terlalu bergantung kepada buku teks atau rujukan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.	Penguasaan yang amat baik tentang mata pelajaran. Pengetahuan yang amat baik tentang keperluan kurikum sekolah. Keupayaan yang amat baik dalam mengembangkan pengetahuan. Tidak bergantung kepada buku teks atau rujukan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.

B.1. PELAKSANAAN					
Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
d. Komunikasi dan bahasa yang sesuai	Tidak berjaya mewujudkan komunikasi dan bahasa kurang sesuai.	Komunikasi hanya berdasarkan isi pelajaran dan bahasa kurang sesuai.	Berkomunikasi dan berbahasa dengan baik.	Dapat berkomunikasi dan menggunakan bahasa dengan baik dan berkesan dalam PdP.	Dapat mewujudkan komunikasi, interaksi dan menggunakan bahasa dengan baik dan berkesan dalam PdP.
e. Peneguhan dan motivasi	Tidak memberi peneguhan dan motivasi.	Kurang memberi peneguhan dan motivasi murid.	Memberi peneguhan dalam PdP.	Memberi peneguhan dan berjaya motivasi murid dengan baik.	Memberi peneguhan dan berjaya meningkatkan motivasi murid dengan baik dan berkesan.
f. Perbezaan keupayaan murid	Tidak menyedari wujudnya kepelbagaian murid.	Tidak memberi perhatian terhadap kepelbagaian murid.	Mengurus kepelbagaian murid pada bahagian tertentu sahaja.	Mengurus kepelbagaian murid dengan baik dan berkesan.	Mengurus dan menangani kepelbagaian murid dengan baik dan berkesan.
g. Pencapaian hasil pembelajaran	Semua hasil pembelajaran yang ditetapkan tidak dapat dicapai.	Sebahagian kecil daripada hasil pembelajaran yang ditetapkan dapat dicapai.	Sebahagian daripada hasil pembelajaran yang ditetapkan dapat dicapai.	Sebahagian besar daripada hasil pembelajaran yang ditetapkan dapat dicapai.	Semua hasil pembelajaran yang disenaraikan berjaya dicapai.
h. Pentaksiran	Tidak nilai kemajuan yang dicapai oleh murid.	Menilai kemajuan yang dicapai oleh murid dengan kurang berkesan.	Menilai kemajuan yang dicapai oleh murid dengan sederhana.	Menilai kemajuan yang dicapai oleh murid dengan berkesan.	Menilai kemajuan yang dicapai oleh murid dengan sangat berkesan.
	Tidak memberi maklum balas serta memotivaskan murid.	Kurang memberi maklum balas serta memotivaskan murid.	Masih memberi maklum balas serta memotivaskan murid.	Memberi maklum balas serta memotivaskan murid dengan baik.	Memberi maklum balas serta memotivaskan murid dengan sangat baik.
i. Pengurusan kelas	Tidak mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memotivaskan murid.	Kurang mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memotivaskan murid.	Dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memotivaskan murid dengan sederhana.	Dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memotivaskan murid dengan berkesan.	Dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memotivaskan murid dengan sangat berkesan.
	Pengurusan masa yang lemah serta peluang pembelajaran tidak sama rata kepada semua murid.	Pengurusan masa yang kurang baik serta peluang pembelajaran kurang diaghikan sama rata kepada semua murid.	Pengurusan masa yang sederhana baik serta peluang pembelajaran diaghikan hampir sama rata kepada semua murid.	Pengurusan masa yang baik serta peluang pembelajaran diaghikan sama rata kepada semua murid.	Pengurusan masa yang sangat baik serta peluang pembelajaran diaghikan sama rata kepada semua murid.
	PdP berjalan dengan tidak lancar dan amalan rutin serta penguatkuasaan peraturan tidak berkesan.	PdP berjalan dengan kurang lancar dan amalan rutin serta penguatkuasaan peraturan kurang berkesan.	PdP berjalan dengan masih lancar dan mengadakan amalan rutin serta penguatkuasaan peraturan sederhana berkesan.	PdP berjalan dengan lancar dan amalan rutin serta penguatkuasaan peraturan berkesan.	PdP berjalan dengan sangat lancar dan amalan rutin serta penguatkuasaan peraturan sangat berkesan.
j. Penglibatan murid	Tidak melibatkan murid dalam semua aktiviti PdP	Hanya sebahagian kecil murid dilibatkan secara aktif dalam aktiviti PdP.	Sebahagian murid dilibatkan secara aktif dalam aktiviti PdP	Sebahagian besar murid dilibatkan secara aktif dalam aktiviti PdP	Semuai murid dilibatkan secara aktif dalam aktiviti PdP
k. Penggunaan BBM	Penggunaan BBM termasuk TMK tidak sesuai dan tidak berkesan dalam membantu proses PdP bagi mencapai hasil pembelajaran.	Penggunaan BBM termasuk TMK kurang sesuai dan kurang berkesan dalam membantu proses PdP bagi mencapai hasil pembelajaran.	Penggunaan BBM termasuk TMK masih sesuai, mencukupi, menarik dan masih berkesan untuk membantu proses PdP bagi mencapai hasil pembelajaran.	Penggunaan BBM termasuk TMK sesuai, mencukupi, menarik dan berkesan untuk membantu proses PdP bagi mencapai hasil pembelajaran.	Penggunaan BBM termasuk TMK sangat sesuai, mencukupi, menarik dan sangat berkesan untuk membantu proses PdP bagi mencapai hasil pembelajaran.
l. Aplikasi KBAT	Tidak berjaya mengaplikasikan elemen KBAT dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Kurang berjaya mengaplikasikan elemen KBAT dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Masih berjaya mengaplikasikan elemen KBAT dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Berjaya mengaplikasikan elemen KBAT dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Sangat berjaya mengaplikasikan elemen KBAT dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.
	Aktiviti PdP yang dijalankan tidak merangsang minda murid untuk menjana idea baharu.	Aktiviti PdP yang dijalankan kurang merangsang minda murid untuk menjana idea baharu.	Aktiviti PdP yang dijalankan masih merangsang minda murid untuk menjana idea baharu dengan sokongan motivasi berterusan daripada guru.	Aktiviti PdP yang dijalankan merangsang minda murid dengan baik untuk menjana idea baharu dengan sokongan motivasi berterusan daripada guru.	Aktiviti PdP yang dijalankan sangat merangsang minda murid untuk menjana idea baharu dengan sokongan motivasi berterusan daripada guru.
m. Ilmu	Tidak menerapkan ilmu pengetahuan dalam mata pelajaran lain ke dalam mata pelajaran yang diajar.	Menerapkan ilmu pengetahuan dalam mata pelajaran lain ke dalam mata pelajaran yang diajar dengan lemah.	Menerapkan ilmu pengetahuan dalam mata pelajaran lain ke dalam mata pelajaran yang diajar dengan sederhana.	Menerapkan ilmu pengetahuan dalam mata pelajaran lain ke dalam mata pelajaran yang diajar dengan baik dan berkesan.	Menerapkan ilmu pengetahuan dalam mata pelajaran lain ke dalam mata pelajaran yang diajar dengan sangat cemerlang dan berkesan.
n. Penerapan nilai	Tidak menerapkan nilai-nilai murni seperti yang dicatatkan.	Kurang berjaya menerapkan nilai murni dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Masih berjaya menerapkan nilai murni dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Berjaya menerapkan nilai murni dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Sangat berjaya menerapkan nilai murni dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.

B.1. PELAKSANAAN					
Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
o. Penutup	<p>Menamatkan PdP dengan aktiviti pengukuran / penilaian yang tidak berkesan.</p> <p>Isi-isi utama tidak dirumuskan.</p> <p>Tidak memberi peluang kepada murid untuk membuat refleksi.</p>	<p>Menamatkan PdP dengan aktiviti pengukuran / penilaian yang kurang berkesan.</p> <p>Isi-isi utama dirumus dengan kurang berkesan.</p> <p>Memberi peluang kepada murid untuk membuat refleksi ke atas domain pembelajaran kognitif sahaja.</p>	<p>Menamatkan PdP dengan aktiviti pengukuran / penilaian dengan sederhana keberkesanannya.</p> <p>Isi-isi utama dirumus dengan sederhana berkesan.</p> <p>Memberi peluang kepada murid untuk membuat refleksi kritis ke atas domain pembelajaran kognitif dan kemahiran sahaja.</p>	<p>Menamatkan PdP dengan aktiviti pengukuran / penilaian yang berkesan.</p> <p>Isi-isi utama berjaya dirumus dengan berkesan.</p> <p>Memberi peluang kepada murid untuk membuat refleksi kritis ke atas domain pembelajaran kognitif, kemahiran dan afektif</p>	<p>Menamatkan PdP dengan aktiviti pengukuran / penilaian yang sangat berkesan.</p> <p>Isi-isi utama berjaya dirumus dengan sangat berkesan.</p> <p>Memberi peluang kepada murid untuk membuat refleksi kritis ke atas domain pembelajaran kognitif, kemahiran dan afektif</p>

B.2. AMALAN PEDAGOGI MASA KINI					
Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
a. Pelaksanaan prosedur	<p>Tidak berjaya mengaplikasi amalan pedagogi yang dipilih dan tidak mematuhi dari segi prosedur pelaksanaan sepanjang PdP.</p> <p>Amalan 6K (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreativiti, karakter, dan kewarganegaraan) dilaksanakan dengan tidak berkesan dalam PdP.</p> <p>Guru pelatih tidak menguasai ilmu dan kemahiran tentang amalan pedagogi masa kini. Sangat memerlukan bimbingan menyeluruh daripada pensyarah penyelia dan guru pembimbing.</p>	<p>Kurang berjaya mengaplikasi amalan pedagogi yang dipilih dan kurang mematuhi dari segi prosedur pelaksanaan sepanjang PdP.</p> <p>Amalan 6K (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreativiti, karakter, dan kewarganegaraan) dilaksanakan dengan kurang berkesan dalam PdP.</p> <p>Guru pelatih kurang menguasai ilmu dan kemahiran tentang amalan pedagogi masa kini. Sangat memerlukan bimbingan daripada pensyarah penyelia dan guru pembimbing.</p>	<p>Berjaya mengaplikasi amalan pedagogi yang dipilih dan mematuhi prosedur dengan masih baik sepanjang PdP.</p> <p>Amalan 6K (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreativiti, karakter, dan kewarganegaraan) dilaksanakan dengan masih berkesan dalam PdP.</p> <p>Guru pelatih masih menguasai ilmu dan kemahiran melaksanakan amalan pedagogi masa kini tetapi masih memerlukan sedikit bimbingan daripada pensyarah penyelia dan guru pembimbing.</p>	<p>Berjaya mengaplikasi amalan pedagogi yang dipilih dan mematuhi prosedur dengan cemerlang sepanjang PdP.</p> <p>Amalan 6K (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreativiti, karakter, dan kewarganegaraan) dilaksanakan dengan sangat berkesan dalam PdP.</p> <p>Guru pelatih menguasai ilmu dan kemahiran melaksanakan amalan pedagogi masa kini tanpa perlu bimbingan daripada pensyarah penyelia / guru pembimbing.</p>	<p>Berjaya mengaplikasi amalan pedagogi yang dipilih dengan sangat cemerlang dan mematuhi prosedur sepanjang PdP.</p> <p>Amalan 6K (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreativiti, karakter, dan kewarganegaraan) dilaksanakan dengan sangat berkesan dalam PdP.</p> <p>Guru pelatih sangat menguasai ilmu dan kemahiran melaksanakan amalan pedagogi masa kini tanpa perlu bimbingan daripada pensyarah penyelia / guru pembimbing.</p>
b. Penajaran PdP dengan amalan pedagogi yang dipilih.	Aktiviti PdP tidak seajar dengan amalan pedagogi yang dipilih.	Aktiviti PdP kurang seajar dengan amalan pedagogi yang dipilih.	Aktiviti PdP masih seajar dengan amalan pedagogi yang dipilih.	Aktiviti PdP seajar dengan amalan pedagogi yang dipilih.	Aktiviti PdP sangat seajar dengan amalan pedagogi yang dipilih.
c. Kepelbagaiannya murid	Guru pelatih tidak memahami wujudnya perbezaan latar belakang murid.	Guru pelatih menyampaikan pengajaran tanpa mengambil kira latar belakang murid seperti jantina, bangsa, agama, sosial, ekonomi, budaya, tahap kognitif, perbezaan fizikal, minat, dan kecenderungan.	Guru pelatih menyampaikan pengajaran dengan hanya mengambil kira satu aspek latar belakang murid seperti jantina, bangsa, agama, sosial, ekonomi budaya, tahap kognitif, perbezaan fizikal, minat, dan kecenderungan.	Guru pelatih berjaya menguruskan pelbagai aspek melibatkan latar belakang murid seperti jantina, bangsa, agama, sosial, ekonomi budaya, tahap kognitif, perbezaan fizikal, minat, dan kecenderungan dengan baik serta berkesan semasa menyampaikan pengajaran.	Guru pelatih berjaya menguruskan pelbagai aspek melibatkan latar belakang murid seperti jantina, bangsa, agama, sosial, ekonomi budaya, tahap kognitif, perbezaan fizikal, minat, dan kecenderungan dengan sangat baik serta berkesan semasa menyampaikan pengajaran.

B.3. KEMAHIRAN INSANIAH [berdasarkan SATU (1) sahaja KI yang diaplikasi dalam PdP]					
Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
i. Kemahiran Komunikasi	Tiada kebolehan berkomunikasi yang berkesan dalam konteks yang berlainan secara lisan atau bertulis.	Kebolehan berkomunikasi yang kurang berkesan dalam konteks yang berlainan secara lisan atau bertulis.	Kebolehan berkomunikasi sederhana berkesan dalam konteks yang berlainan secara lisan atau bertulis.	Kebolehan berkomunikasi yang berkesan dalam konteks yang berlainan secara lisan atau bertulis.	Kebolehan berkomunikasi yang sangat berkesan dalam konteks yang berlainan secara lisan atau bertulis.

B.3. KEMAHIRAN INSANIAH [berdasarkan SATU (1) sahaja KI yang diaplikasi dalam PdP]

Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
ii. Pemikiran kritis dan Kemahiran penyelesaian masalah	Tidak berkebolehan menyampaikan idea secara kritis, kreatif dan inovatif serta tidak berkemampuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.	Kurang berkebolehan menyampaikan idea secara kritis, kreatif dan inovatif serta kurang berkemampuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.	Mempunyai kebolehan menyampaikan idea secara kritis, kreatif dan inovatif dengan sederhana baik serta berkemampuan menyelesaikan masalah dengan membuat keputusan yang sederhana tepat.	Mempunyai kebolehan menyampaikan idea secara kritis, kreatif dan inovatif dengan baik serta berkemampuan menyelesaikan masalah dengan membuat keputusan yang sederhana tepat.	Mempunyai kebolehan menyampaikan idea secara kritis, kreatif dan inovatif dengan sangat baik serta berkemampuan menyelesaikan masalah dengan membuat keputusan yang sangat tepat.
iii. Kemahiran sosial – Kerja berpasukan	Tidak menerapkan kemahiran membina hubungan baik, berinteraksi dan bekerjasama secara efektif untuk mencapai objektif dalam kerja berpasukan.	Kurang menerapkan kemahiran untuk membina hubungan, berinteraksi dan bekerjasama secara efektif untuk mencapai objektif dalam kerja berpasukan.	Menerapkan kemahiran untuk membina hubungan, berinteraksi dan bekerjasama secara efektif untuk mencapai objektif dalam kerja berpasukan dengan sederhana.	Menerapkan kemahiran untuk membina hubungan, berinteraksi dan bekerjasama secara efektif untuk mencapai objektif dalam kerja berpasukan dengan baik.	Menerapkan kemahiran untuk membina hubungan, berinteraksi dan bekerjasama secara efektif untuk mencapai objektif dalam kerja berpasukan dengan sangat cemerlang.
iv. Pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat	Tidak menerapkan aspek mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber dan tidak bersifat terbuka menerima idea-idea baharu.	Kurang menerapkan aspek mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber dan kurang bersifat terbuka menerima idea-idea baharu.	Menerapkan aspek mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber dan masih bersifat terbuka untuk menerima idea-idea baharu dengan sederhana.	Menerapkan aspek mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber dan bersifat terbuka untuk menerima idea-idea baharu dengan baik.	Menerapkan aspek mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber dan sangat bersifat terbuka untuk menerima idea-idea baharu dengan sangat cemerlang.
v. Kemahiran keusahawanan	Tidak menerapkan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti PdP berkaitan keusahawanan dan pekerjaan.	Kurang menerapkan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti PdP berkaitan keusahawanan dan pekerjaan dengan sederhana.	Menerapkan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti PdP berkaitan keusahawanan dan pekerjaan dengan sederhana.	Menerapkan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti PdP berkaitan keusahawanan dan pekerjaan dengan baik.	Menerapkan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti PdP berkaitan keusahawanan dan pekerjaan dengan sangat cemerlang.
vi. Etika dan moral profesional	Tidak mengamalkan etika dan moral profesionalisme keguruan.	Kurang mengamalkan etika dan moral profesionalisme keguruan dengan sederhana cemerlang.	Mengamalkan etika dan moral profesionalisme keguruan dengan sederhana cemerlang.	Mengamalkan etika dan moral profesionalisme keguruan dengan cemerlang.	Mengamalkan etika dan moral profesionalisme keguruan dengan sangat cemerlang.
vii. Kemahiran kepemimpinan	Tidak berjaya menerapkan sifat akauntabiliti, komitmen dan kepemimpinan dalam PdP.	Kurang berjaya menerapkan sifat akauntabiliti, komitmen dan kepemimpinan dalam PdP.	Berjaya menerapkan sifat akauntabiliti, komitmen dan kepemimpinan dalam PdP dengan sederhana cemerlang.	Berjaya menerapkan sifat akauntabiliti, komitmen dan kepemimpinan dalam PdP dengan cemerlang.	Berjaya menerapkan sifat akauntabiliti, komitmen dan kepemimpinan dalam PdP dengan sangat cemerlang.

B.4. SAHSIAH DAN ETIKA PENGAJARAN

Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
a. Penampilan diri	Penampilan diri tidak sesuai sebagai seorang guru.	Penampilan diri tidak sesuai dan terlalu berlebihan sebagai seorang guru.	Penampilan diri seperti berpakaian tidak sesuai dengan aktiviti pengajaran yang dikendalikan.	Berpakaian sopan dan kemas serta sesuai sebagai seorang guru. Berkommunikasi dengan baik dengan murid, bahasa yang baik, dan dapat menjadi contoh setarikutan kepada murid.	Berpakaian sopan dan kemas serta sesuai sebagai seorang guru. Berkommunikasi dengan baik dengan murid, bahasa yang baik, dan dapat menjadi contoh setarikutan kepada murid.
b. Ciri-ciri profesional	Sangat tidak komited, berdedikasi, bertanggungjawab, berdisiplin, menjaga masa dan menunjukkan contoh yang sangat baik dan berkesan semasa mengendalikan pengajaran.	Tidak komited, berdedikasi, bertanggungjawab, berdisiplin, menjaga masa dan menunjukkan contoh yang sangat baik dan berkesan semasa mengendalikan pengajaran.	Hanya bertanggungjawab terhadap pengajaran dan pembelajaran sahaja.	Komited, berdedikasi, bertanggungjawab, berdisiplin, menjaga masa dan menunjukkan contoh yang sangat baik dan berkesan semasa mengendalikan pengajaran.	Sangat komited, berdedikasi, bertanggungjawab, berdisiplin, menjaga masa dan menunjukkan contoh yang sangat baik dan berkesan semasa mengendalikan pengajaran.

C. REFLEKSI

Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
a. Kekuatan	Tidak dapat mengenal pasti kekuatan dalam perancangan dan pengajaran yang disampaikan.	Kurang mengenal pasti serta menilai kekuatan dalam perancangan dan pengajaran yang disampaikan.	Dapat mengenal pasti serta menilai beberapa kekuatan dalam perancangan dan pengajaran yang disampaikan dengan sederhana.	Dapat mengenal pasti serta menilai kekuatan dalam perancangan dan pengajaran yang disampaikan dengan baik.	Dapat mengenal pasti serta menilai kekuatan dalam perancangan dan pengajaran yang disampaikan dengan sangat baik dan berkesan.

Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
b. Kelemahan	Tidak dapat mengenal pasti kelemahan dalam perancangan dan pengajaran yang disampaikan.	Kurang mengenal pasti serta menilai kelemahan dalam perancangan dan pengajaran yang disampaikan.	Dapat mengenal pasti serta menilai beberapa kelemahan diri secara sederhana.	Dapat mengenal pasti serta menilai kelemahan dalam perancangan dan pengajaran yang disampaikan dengan baik.	Dapat mengenal pasti serta menilai kelemahan dalam perancangan dan pengajaran yang disampaikan dengan sangat baik dan berkesan.
c. Penambahbaikan	Tidak menunjukkan usaha untuk merancang dan membuat tindakan susulan.	Kurang menunjukkan usaha untuk merancang dan membuat tindakan susulan.	Menunjukkan usaha untuk merancang dan membuat tindakan susulan berdasarkan pengajaran yang lepas.	Menunjukkan usaha untuk merancang dan membuat tindakan susulan dan penambahbaikan dengan baik berdasarkan pengajaran lepas.	Menunjukkan semua aspek kelemahan ditingkatkan dan aspek kelemahan dibaiki. Semuanya dinyatakan dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dengan baik dan cemerlang.

RUBRIK LATIHAN MENGAJAR 2 (KPR3054)

A. PERANCANGAN

A.1. PERANCANGAN					
Aspek	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
